

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA

SEKATA

WADAH PENGEMBANGAN DAN PENGAJARAN PERSURATAN

Adat Melayu Singapura

Persoalan Kata Majmuk
Dalam Bahasa Melayu

Peminjaman Bahasa

Kepompong

JILID 1 BILANGAN 1 • JULAI 1999 • ISBN 0217-4627 • RABIULAWAL 1420



LIDAH PENGARANG

Agak lama SEKATA tidak bersua.

Namun ada sebab-sebabnya.

Kami menampilkan SEKATA dalam format baru yang menuntut penelitian.

Bukan saja SEKATA mengandungi esei ilmiah mengenai bahasa, bahkan ia mencakupi bidang adat-resam dan juga karya kreatif.

Hal ini dilakukan kerana begitulah peranan Majlis Bahasa Melayu Singapura.

Selain soal kebahasaan, sebenarnya Majlis Bahasa turut mendorong peningkatan karya kreatif, serta aspek persuratan mengenai budaya Melayu keseluruhannya.

Dengan kata-kata lain, kami akur dengan tanggapan umum bahasa, 'bahasa menunjukkan bangsa'. Jadi, tidak lengkap menulis soal kebahasaan belaka, tanpa menyingkap aspek-aspek lain dalam kehidupan orang Melayu yang dapat digambarkan menerusi bahasa.

Kami berharap keluaran sulung wajah dan isi baru SEKATA dapat mengisi sebahagian citra masyarakat kita.

Andai ada kesilapan dan kekurangan, kami harap dapat menerima teguran membina.

Selamat membaca.

Penasihat: HJ MUHD ARIFF AHMAD

Sidang Pengarang Sekata

MOHD RAMAN DAUD ○ DRS MASRAN SABRAN ○ DR KAMSI AH ABDULLAH ○
MA'MUN HMF SUHEIMI ○ ABDUL AZIZ ABU TALIB ○ ISA KAMARI ○ SUPKI HJ SIDEK

Karya tidak mencerminkan pandangan rasmi Majlis Bahasa Melayu Singapura. Hak cipta penulis terpelihara. Segala pertanyaan perlu disampaikan menerusi surat kepada Editor SEKATA, Majlis Bahasa Melayu Singapura, Kementerian Penerangan dan Kesenian, Bangunan PSA, Singapura, atau emel: raman@sph.com.sg

KANDUNGAN

ISSN 0217-4627

Jilid 1

BILANGAN 1

JULAI 1999

RABIULAWAL 1420

LIDAH PENGARANG MUKA AWAL

ADAT MELAYU SINGAPURA MUHAMMAD ARIFF AHMAD 1

PERSOALAN KATA MAJMUK DALAM BAHASA MELAYU DR KAMSI AH ABDULLAH 9

PEMINJAMAN BAHASA: RASIONAL DI SEBALIKNYA ROKSANA BIBI BTE ABDULLAH 14

KEPOMPONG HADIJAH RAHMAT 21

ADAT MELAYU SINGAPURA

Muhammad Ariff Ahmad

Adat ialah satu daripada tujuh aspek kebudayaan umum yang dihayati manusia. Ia merupakan disiplin atau peraturan yang disetujui secara mutual oleh kelompok manusia penganutnya. Sebelum orang kenal akan undang-undang atau perlembagaan, adatlah menjadi wewenang yang memelihara kesejahteraan, keamanan dan kehidupan masyarakat. Pepatah di mana bumi dipijak, di situlah langit dijunjung mengarahkan manusia mengikut adat di mana mereka berhidup.

Melayu Singapura² ialah mereka yang datuk neneknya putera bumi gugusan pulau-pulau Melayu (sama ada yang masih jati Melayunya atau yang sudah bercampur darah dengan "orang datang" melalui persemendaan), beragama Islam, bermastautin dan menjadi rakyat Singapura. Mereka yang membentuk kira-kira 16% penduduk Singapura itulah yang terlibat dengan Adat Melayu Singapura yang akan dibincangkan kertas ini.

Adat Melayu Singapura

Pada dasarnya, Adat Melayu Singapura

berpokokkan adat Melayu yang diundang biar mati anak, jangan mati adat, yang diamalkan orang Melayu di seluruh kepulauan Melayu itu juga. Adapun yang kelihatan seolah-olah berbeda hanyalah yang menyangkut cabang dan rantingnya (merupakan amalan tradisi yang

berdasarkan kepercayaan animisme) yang berubah-ubah mengikut zaman dan kepentingan sahaja; manakala perkara-perkara pokoknya masih sama.

Bagaimana pun, perubahan-perubahan adat itu adalah selaras dengan mamangnya yang berkata: Adat biaso kito pakai, Limbago nan samo dituang; Nan elok samo dipakai, Nan buruak samo dibuang.

KEHILANGAN ADAT MELAYU

Aduhai resam wahai adat
Lembaga di mana telah terpadat?
Wah!
Hilang adat lenyaplah bahasa
Ghaib sepi tiada bersisa
Semakin mengerang sentiasa
Laksana dipagut tedung yang bisa..
Amboi-amboi!
Adat tiruan resam terpaksa!
Umpama gajah menjadi rusa
Oleh ragi campuran bangsa
Adab tertib habis binasa..
Sayang-sayang!
Merajuk ke manakah Adat Melayu
Laksana debu dipuput bayu..
Wallahu a'lam
Entahkan jatuh ke laut gerangan disambar yu.

© Munsyi Sulaiman

■ Ilmu Mengarang Melayu, Za'ba 1934, hal 133.

Banyak amalan adat Melayu yang tidak pokok - yang disebut tradisi - yang dianggap tidak berfaedah atau yang mungkin boleh mencemarkan aqidah Islamiah telah ditinggalkan³, umpamanya:

Adat Mandi Safar - mandi tolak balak yang dilakukan tiap Rabu akhir dalam bulan Safar.

Adat potong andam dan berasah gigi - bagi calon pengantin.

Adat Mandi-mandi - mandi pengantin baru

setelah disahkan pengantin itu sudah "bersatu";

Adat Lenggang Perut - yang dilakukan kepada isteri yang mengandung sulung ketika hamil tujuh bulan;

Adat Basuh Lantai - bagi wanita yang selesai pantang lepas bersalin;

Adat Turun Tanah - bagi kanak-kanak yang baru berjalan jatuh;

dan tradisi-tradisi lain, seperti *Adat Puja Pantai*, *Adat Semah Kampung*, *Adat Mendirikan Rumah baru* dan yang sebagainya, yang dilakukan berasaskan kepercayaan animisme.

Banyak pula *adat Melayu* yang telah dipersingkat dan diubahsuai, diselaraskan dengan ajaran Islam, dengan kehendak zaman dan dengan keadaan sekitaran Singapura, umpamanya: yang mengenai *Adat Semenda* (termasuk *merisik*, *meminang*, *bertunang*, *nikah*, *berinai*, *bersanding*, *walimah*), yang mengenai *Pakaian*, *Pindah Rumah*, *Sopan Santun* dan yang sebagainya.

Pemerintah Singapura — *Adat Melayu*

Pemerintah Singapura tegas dengan dasar kehidupan berbilang bangsa, berbilang bahasa, berbilang agama dan berbilang budaya. Pemerintah Singapura memberikan kebebasan tiap warganegara Singapura mengamalkan agama yang dianutnya dan melakukan adat yang diwarisi dari leluhur masing-masing, selagi amalan itu tidak menggugat kepekaan kelompok lain.

Sejauh ini - sehingga ke Hari Ulang Tahun Kemerdekaannya yang ke 31⁴ - belum pernah Pemerintah menghalang rakyatnya mengamalkan adat warisan keturunan masing-masing, malah untuk mengekalkan perpaduan harmoni di kalangan rakyat, pemerintah menggalakkan supaya rakyatnya mengambil tahu dan saling menghormati adat resam masyarakat yang bukan kelompoknya.

Pemerintah menggalakkan juga supaya rakyatnya saling turut meraikan perayaan masyarakat lainnya dan bertoleran dengan amalan adat mereka yang tidak selaras dengan amalan kelompoknya. Malah, Pemerintah

mengumpulkan nilai-nilai baik dari adat kelompok-kelompok, misalnya:

adat bergotong royong,
adat luak berpenghulu; *buapak beranak buah*,

adat halaman satu sepermainan,
adat bukit sama didaki; *lurah sama dituruni*,
(dengan pindaan pada bentuk dan cara),
menjadi amalan kebangsaan.

Dalam pada itu, pemerintah melarang masyarakat melakukan sesuatu yang mungkin menyentuh kepekaan masyarakat lain, misalnya, demi memelihara keharmonian perpaduan rakyat yang berbilang agama, pemerintah mengundang-undangan:

Gendang, *band* dan *bunyi-bunyian* yang *meriuhkan perarakan perangkatan mayat* yang dilakukan masyarakat Cina tidak boleh dibunyikan sekitar 100 meter dari kawasan masjid.

Laungan azan di masjid harus ditetapkan tidak melampaui kenyaringan suara yang terkawal; dan yang sebagainya.

Pemerintah telah mewajibkan pengajaran **bahasa ibunda** [bahasa Melayu, Mandarin dan Tamil] dalam sistem pendidikan kebangsaan, dengan tujuan untuk melestarikan kebudayaan [termasuk *adat dan tradisi*] keturunan masing-masing masyarakat. Melalui pengajaran **bahasa ibunda** itu para pelajar telah didedahkan kepada pengetahuan dan amalan *adat istiadat* masing-masing. Sistem dwibahasa itu membekalkan rakyat muda Singapura untuk mempunyai identiti Singapura tanpa melupakan asal usulnya.

Majlis Ugama Islam Singapura (MUIS) sebagai perbadanan yang bertanggung jawab mengenai ehwal Islam di Singapura telah ditubuhkan pada 1 Julai 1968; sekarang perbadanan ini terletak di bawah riayah Kementerian Pembangunan Masyarakat.

MUIS adalah penguatkuasa tertinggi yang menadbirkan semua hal keislaman di Singapura [termasuk menasihati Presiden Negara dalam hal yang mengenai Islam di Singapura], menurut kuaikkuasa AMLA (*Administration of Muslim Law Act*).

Keadaan Singapura Sekarang

Negara Singapura sekarang ialah sebuah **negara bandaraya**. Tidak ada lagi kampung-kampung⁵ di Singapura. Bandaraya Singapura merupakan percantuman beberapa **bandar-bandar satelit**. Di bandar-bandar satelit itulah orang-orang Melayu sekarang tinggal berjiran seflat dan berhalaman *satu sepermainan* dengan masyarakat lain - yakni masyarakat yang bukan *seadat resam* dengan mereka - yang tinggal bersama di flat-flat itu.

Perpindahan dari sistem kehidupan kampung ke sistem kehidupan bandar dan hidup berbaur dengan masyarakat yang bukan *seadat resam* itu merupakan dua faktor yang secara tidak langsung dan beransur-ansur telah mendorong perubahan beberapa *adat Melayu lama* menjadi *adat baru* yang sesuai diamalkan di Singapura, sekarang⁶.

Pendidikan kebangsaan yang menawarkan kecapaian fizikal yang sama bagi semua rakyat dan pesatnya saingan masyarakat lain di Singapura telah juga mendorong orang Melayu meninggalkan banyak tradisi - terutama yang mengenai kepercayaan dan pantang larang - yang dianggap remeh, membazir, menghalang kemajuan dan tidak menguntungkan.

Wujudnya MUIS dan 81⁷ buah masjid - 60 masjid lama (MGL) dan 21 masjid generasi baru (MGB) yang merupakan *pusat kegiatan Islam di daerah-daerah* - telah menjadikan kehidupan masyarakat Islam [yang majoritinya *orang Melayu*] Singapura lebih progresif dan bersaing dengan masyarakat-masyarakat lain dalam kehidupan kebangsaan Singapura.

Oleh sebab orang Melayu adalah majoriti dalam masyarakat Islam Singapura; kebetulan terdapat ada antara *adat Melayu lama* yang tidak sejajar dengan ajaran Islam, maka dalam penilaian semulanya, *adat lama* yang demikian itu telah ditinggalkan.

Keadaan Singapura sebagai bandaraya dan wewenang agama Islam sebagai pegangan dan panduan hidup terulung bagi orang Melayu,

maka beberapa *adat yang tidak sesuai* [seperti yang dinyatakan dalam perenggan empat] tidak diamalkan lagi, dan seperti yang dinyatakan dalam perenggan lima telah diubahsuai.

Amalan Adat Melayu Singapura - Sekarang

Adat Mendirikan Rumah - Orang Melayu Singapura tidak lagi mendirikan rumahnya sendiri seperti nenek moyangnya dahulu. Semua rumah di Singapura didirikan pemaju dan flat didirikan HDB (Lembaga Perumahan dan Pembangunan) - rakyat atau pengguna hanya membeli rumah atau flat yang telah terbina.

Dengan demikian orang Melayu tidak payah lagi memikirkan sama ada *tanah tapak rumahnya harus disemah*, *rumahnya harus mengadap matahari terbit*, *harus diadakan upacara menaikkan tiang seri*, *mengadakan upacara tepung tawar* dan sebagainya. Mereka hanya boleh mengubahsuai bahagian dalam mengikut peraturan yang ditetapkan HDB atau BCD (*Building Control Division*).

Menggantikan *adat mendirikan rumah* tadi, pasangan atau keluarga yang beroleh *rumah baru* itu akan mengadakan upacara *doa selamat* dan *tolak balak*. Kemudian, setelah selesai berkemas rumah, barulah tuan rumah baru itu akan mengadakan *kenduri kesyukuran*. Tren terbaru orang menyemarakkan semangat rumah (*warming house*) itu dengan mengadakan *rumah terbuka*⁸. Hanya anggota kerabat dan jiran-jiran beragama Islam yang diundang ke *kenduri kesyukuran*, tetapi untuk *rumah terbuka*, rakan-rakan di pejabat - termasuk yang bukan Islam juga diundang.

Adat Mendirikan Rumah Tangga

Semenjak dari kelas *pra-tadika* ketika berusia 3 tahun kanak-kanak lelaki-perempuan telah mula terdedah kepada perkenalan dan pergaulan lelaki dan perempuan. Berlanjutan terus menerus ke kelas *tadika* [4-5 tahun], ke kelas *primari* [6-12 tahun], ke kelas *sekondari* [13-17 tahun]. Kemudian ke kelas *pra-U* [18-20/21 tahun] lalu ke *Universiti* [22-24/25 tahun]. Anak-anak Melayu tidak terkecuali dari sistem yang demikian itu.

Mulai dari tahap *sekondari* hingga ke *universiti*, mereka bukan sahaja bergaul dalam kelas/kuliah semata-mata, tetapi mereka telah bersama-sama pula cergas dalam *aktiviti-aktiviti luar darjah*. Melalui pergaulan yang begitu terbuka, bibit *ingin-mengingini* antara belia dan remaja itu tumbuh, berkembang dan menyegar, lalu kebanyakan mereka mencalonkan pasangan masing-masing.

Adat Merisik dan Meraksi⁹

Perkenalan yang bertahun-tahun lagi 'mendalam' antara belia dan remaja itu, seolah-olah telah memansuhkan hak ibu bapa mencari dan memilih calon menantunya. Maka *Adat Merisik* dan *Adat Meraksi* pun menjadi tidak relevan dan tidaklah lagi diamalkan. Biasanya, apabila perhubungan kedua-dua belia dan remaja tadi diendorse oleh ibu bapa kedua-dua pihak, maka atas nama *adat*, dilakukanlah *lamaran formal* - yakni ibu bapa atau waris si teruna akan datang kepada ibu bapa si gadis, *mengetuk pintu*: melamar akan anak gadisnya itu.

Adat Melamar

Upacara *Melamar* dilakukan secara sederhana sahaja - memadai dengan majlis kecil mempertemukan ibu bapa kedua-dua pihak. Dalam upacara itu diikrarkan persetujuan kedua-dua ibu bapa yang hendak menjodohkan kedua-dua anak mereka. Dalam upacara itu juga dirunding dan ditetapkan *hari pertunangan* dan *hari langsung* bagi calon-calon mempelai tadi; ditetapkan juga berapa *wang hantarannya*, berapa *maskahwinnya*, berapa lama *bertunangnya*.

Oleh sebab pelamaran itu dilakukan sesudah kedua-dua calon suami isteri itu sama-sama bersetuju hendak berumah tangga, maka dengan sendirinya ikrar *helah lelaki luncur, helah perempuan ganda*¹⁰ tidak timbul lagi. Justeru, pelamaran itu merupakan suatu formaliti sahaja - segala perkara yang berkait dengan perkahwinan telah dibereskan calon pasangan itu sendiri.

Adat Bertunang atau Menghantar Tanda

Pertunangan diisytiharkan dalam suatu upacara *menghantar tanda*. Cincin sebagai tanda pertunangan yang simbolik masih digunakan. Namun, orang dahulu menggunakan cincin belah

*rotan*¹¹ sebagai tanda tunang; sekarang, mereka pakai cincin berlian.

Oleh sesetengah orang, upacara *menghantar tanda* sekarang ini, disebut juga upacara *bertukar cincin*, kerana kebanyakan orang sekarang: pemberian cincin oleh pihak lelaki itu dibalas dengan cincin juga oleh yang perempuan - meniru sebagaimana yang diamalkan orang-orang bukan Melayu. Demikian juga dengan hadiah iringannya, sebanyak mana yang diterima daripada pihak lelaki, sebanyak itu pulalah yang dibalas pihak perempuan.

Adat menghantar tanda itu dilakukan dengan satu angkatan perwakilan pihak lelaki menghantar *cincin tanda* yang teriring dengan hadiah-hadiah *sepersalinan pakaian* [dari tudung hingga sepatu], *alat mandi dan alat solek, jam tangan, kuih-muih, buah-buahan dan sebagainya* ke pihak perempuan. Dalam upacara tersebut diisytiharkan pertunangan kedua bakal suami isteri itu. Segala janji yang telah dipersetujui waktu *melamar* kelmari disebutkan semula dalam majlis pertunangan itu.

Pendaftaran Pernikahan

Ini *adat baru* - *adat yang diadatkan* untuk memberikan bimbingan asas yang boleh membantu pasangan suami isteri itu memelihara dan mengekalkan jodohnya. Peraturan perceraian suami isteri Melayu pada akhir-akhir 1970-an, begitu tinggi dan menakutkan. Maka untuk menyelamatkan perkahwinan dan merendahkan peraturan itu *adat baru* ini diperkenalkan.

Tiga bulan sebelum tarikh pernikahan, pasangan calon suami isteri itu wajib memohon *izin nikah* daripada Pendaftar Pernikahan. Calon-calon akan diwawancarai Pendaftar Pernikahan sama ada permohonan mereka diluluskan atau mereka perlu dihantar ke *Kursus Rumah Tangga*. Sijil *khatam Kursus Rumah Tangga* itu akan merupakan *izin nikah* bagi calon-calon itu.

Suami yang mahu berpoligami juga wajib mohon *izin nikah lagi*. Permohonan itu diperiksa dan diteliti pendaftar pernikahan tentang kemampuan dan keadilan *pemoligami*. Jika pendaftar mendapati tidak sesuai, permohonan *pemoligami* boleh ditolak¹².

Calon-calon pengantin itu boleh melaksanakan upacara pernikahannya sama ada di rumah pengantin perempuan, di masjid-masjid MGB atau pun di pejabat Pendaftaran Pernikahan [pada hari-hari bekerja]. Pada masa ini¹³ Singapura mempunyai seorang Pendaftar Pernikahan, 2 orang Kadhi dan 12 orang Naib Kadhi yang bertauliah untuk melaksanakan pernikahan.

Adat Menghantar Belanja dan Upacara Pernikahan

Upacara *Menghantar* (*menyerahkan*) *wang belanja* yang dijanjikan pada upacara *Menghantar Tanda* kelmari dilaksanakan sejurus sebelum upacara *Pernikahan* dijalankan. Sama seperti *Menghantar Tanda*, *Menghantar Belanja* ini pun diiringi dengan hadiah-hadiah juga. Setelah selesai timbang terima *wang hantaran* barulah upacara *Pernikahan* dijalankan kadhi atau naib kadhi.

Adat Berinai¹⁴

Sehingga 1960-an, *Adat Berinai Curi*, *Berinai Kecil* dan *Berinai Besar* masih dilakukan orang Singapura, kerana pada zaman itu waktu *perelatan kahwin* memakan masa seminggu; atau paling tidaknya ialah tiga hari [dari malam Jumaat hingga Ahad petang]. Sekarang waktu itu telah dipersingkat - *nikah* pada malam Ahad, dan *bersanding* pada tengah hari esoknya. Maka itu hanya tinggal satu sahaja *Adat Berinai* yang dilaksanakan, iaitu selepas upacara pernikahan dijalankan.

Sambil menjamu para tetamu, kedua-dua pengantin yang baru dinikahkan itu dinaikkan ke pelamin dan *diberinaikan*. Biasanya, diundang 7 [sekurang-kurangnya 3] orang tua lelaki perempuan dari masing-masing pihak *memberinaikan* pengantin itu. *Pemberinaian* diakhiri dengan mendoakan kesejahteraan pengantin baru itu.

Adat Bersanding

Perarakan pengantin lelaki dengan hadrah atau kompong dan bersanding ke rumah yang perempuan masih dilakukan orang hingga sekarang. Pengantin disambut dengan silat masih ada. Adang-adang sambil mendapatkan *duit pintu* dan *duit kipas* masih dilakukan. Tetapi *Adat Melangkah Bendul* bagi kakak pengantin

perempuan telah mengalami sedikit perubahan caranya.

Setelah *bersanding* kira-kira setengah jam, persandingan diakhiri dengan *adat suap-suapan*. Pengantin dibawa masuk dan disalinkan pakaian, kemudian disandingkan semula dalam acara *pameran fesyen pakaian pengantin*. Kadang-kadang hingga 24 kali pengantin bersalin pakaian dan dipamerkan di atas pelamin. Mak Andam adalah pameran utama dalam acara selingan ini.

Adat Melangkah Bendul

Dahulu.. *Adat Melangkah Bendul* itu dilakukan pengantin lelaki, di kepala tangga rumah pengantin, dengan membasuhkan kaki kakak pengantin perempuan yang belum bersuami dan menghadihinya persalinan; kemudian, sebagai tanda ikhlas, kakak pengantin perempuan akan memimpin pengantin (adik iparnya) bersanding di pelamin.

Sekarang.. *melangkah bendul* seperti itu tidak lagi diamalkan. Yang diamalkan ialah memberikan *envelop berisi* kepada tiap kakak pengantin perempuan yang belum bersuami. Biasanya isi envelop itu ialah *note* S\$50.00.

Upacara Walimatul-urus

Walimatul-urus ialah *kenduri kahwin* yang diadakan kerana meraikan dan memperkenalkan pengantin kepada khalayak. Pada umumnya orang mengadakan walimatul-urus di lelapang (*void deck*) flat masing-masing; namun - terutama mereka yang tidak tinggal di flat - ada juga yang mengadakannya di kelab-kelab masyarakat atau di balai-balai rakyat, malah sudah ada tren mengadakan walimatul-urus itu di hotel-hotel.

Mengasing-asingkan waktu undangan [lelaki dari jam 10.00 hingga 1.00 - perempuan dari 2.00 hingga 5.00] sudah tidak ada lagi. Tidak banyak lagi pengundang yang mengasingkan tetamunya [lelaki sama lelaki, perempuan sama perempuan]. Kebanyakan undangan sekarang bebas - tidak melarang lelaki dan perempuan bercampur sama *makan sehidangan*.

Suguhan *makan sehidang berempal*¹⁵ sudah kurang diamalkan di Singapura. Yang masih ada ialah *makan empat orang sehidangan* dan [tren

baru] makan perasmanan (buffet) - mengambil makanan sendiri-sendiri menurut selera dan daya masing-masing dari meja hidangan, kemudian mencari tempat duduk sendiri pula.

Adat Bertandang

Adat Bertandang ialah adat membawa isteri bersanding di rumah ibu bapa pengantin lelaki - setelah upacara persandingan di rumah pengantin perempuan.

Dahulu.. Adat Bertandang ini [jika ada yang hendak melakukannya] dilakukan seminggu kemudian daripada tarikh bersanding di rumah perempuan, kerana pihak lelaki tidak mengadakan majlis walimatul-urus pada hari yang sama dengan pihak perempuan.

Tetapi kini, kerja kahwin itu dibuat sekali harung. Maka Adat Bertandang dilakukan pada hari yang sama dengan hari persandingan itu juga. Beberapa ketika setelah makan bersama tetamu, kedua-dua pengantin diiring bertandang ke rumah ibu bapa yang lelaki. Malam, lepas solat maghrib, baru pengantin pulang ke rumah yang perempuan sehingga flat barunya siap.

Bunga, Telur dan Pulut Kunyit

Oleh-oleh dari majlis walimatul-urus itu ialah bunga, telur dan pulut kunyit yang melambangkan pengembangan, kesuburan, kekukuhan, kerukunan dan mewah makmur beserta dengan doa dan harapan. Namun, oleh-oleh itu sekarang jarang-jarang kelihatan. Yang dijadikan orang oleh-oleh sekarang ialah cake, coklat, biskut, sabun, tuala, sudu garfu, minyak wangi, bedak serbuk, gelas, mug dan yang sebagainya. Malah ada pula yang memberi Kitab Yasin.

Adat Menyembah-nyembah

Adat ini sudah tidak ketara lagi, kerana kebanyakan pengantin baru sekarang menggunakan waktu menyembah-nyembah itu untuk berbulan madu. Banyak tempat-tempat seperti Langkawi, Pangkor, Tioman, Sentosa, Desaru; malah Batam menawarkan pakej bulan madu untuk pasangan-pasangan baru memulakan kehidupan kesuami-isteriannya.

Ketika menyembah-nyembah itulah, biasanya, hadiah pengantin disampaikan kepada

suami isteri baru itu oleh keluarga atau sahabat handai yang dikunjungi rombongan pengantin. Sekarang hadiah itu tidak "jatuh" kepada pengantin, tetapi ia disumbangkan kepada ibu bapa pengantin dalam kaedah salam tarik¹⁷ atau salaman bengkok.

Adat Lenggang Perut

Dalam kehidupan moden, doktor dan hospital/klinik telah mengambil alih fungsi bomoh, pawang dan bidan kampung. Adat Lenggang Perut tidak lagi diamalkan di Singapura. Tiap wanita hamil - sama ada mengandung sulung atau berikutnya - diharuskan menjalani pemeriksaan dan rawatan doktor semenjak mengandung dua/tiga bulan hinggalah dia melahirkan.

Teknologi mutakhir bukan sahaja telah dapat menjamin keselamatan ibu yang mengandung, malah dapat menunjukkan bahawa janin yang dikandung itu adalah lelaki atau perempuan. Masuk ke alur globalisasi, wanita hamil Melayu tidak lagi dilenggang perut tetapi discan dan dirawat ke hospital¹⁸.

Adat Menyambut Kelahiran Bayi

Boleh dikatakan semua bayi [termasuk bayi Melayu] Singapura dilahirkan di hospital. Setelah dipotong pusat dan dibersihkan bayi itu akan dimasukkan ke ward khas, jika didapati sesuai baru dipindahkan ke ward ibunya. Di ward ibunya itu, bayi tadi diazankan bapanya atau oleh seorang tua lelaki yang diminta mengazankannya; kemudian baru diraikan datuk nenek dan keluarga yang menziarahi si anak dan ibunya. Apabila ibu dan bayi didapati cukup sihat barulah mereka dibenarkan pulang ke rumah. Di rumah, barulah dilakukan beberapa upacara peralihan menurut adat.

Adat Menamai Bayi

Tiap bayi yang lahir mesti didaftarkan. Nama adalah unsur terpenting dalam pendaftaran. Tidak seperti 60 tahun dahulu: kebanyakan surat beranak anak Melayu tidak bernama, kerana kebanyakan ibu bapa belum punya nama anaknya ketika didaftarkan kelahirannya, ibu bapa sekarang sudah mencari nama anaknya semenjak bayi itu dalam kandungan ibunya, iaitu apakala diketahui kandungan isterinya itu bakal anak lelaki atau

perempuan. Biasanya, nama bayi itu merupakan aliran pemikiran ibu bapanya.

Nama-nama seperti Kecut, Komeng, Buang, Tongkong dan yang sebagainya tidak lagi menjadi pilihan. Banyak juga ibu bapa yang mendapatkan khidmat asatizah untuk mendapatkan nama yang baik untuk bayinya.

Adat Cukur Rambut

Untuk mencukur bersih rambut yang dibawa dari perut diadakan suatu upacara. Diadakan majlis membaca berzanji. Dalam majlis itu rambut bayi hanya dicukur syarat, lepas majlis itu baru rambut itu dicukur bersih. Ibu bapa yang mampu bersedekah dengan nilai emas atau perak yang ditimbang sama berat dengan rambut yang tercukur; tetapi, ibu bapa yang tidak mampu bersedekah menurut upayanya.

Nama bayi itu - nama yang telah didaftarkan dengan iringan doa selamat dan tolak balak dahulu - diisytiharkan kepada khalayak pada hari dilakukan aqiqah dan mencukur rambutnya ketika bayi itu berusia 40 hari atau pada hari ibunya lepas pantang.

Adat Berkhitan (Sunat)

Anak perempuan dikhitan waktu bayi. Anak lelaki - tidak lagi dikhitan setelah khatam Quran ketika berumur kira-kira 12 ke 14 tahun. Sekarang.. khidmat tok mudim sangat kurang digunakan; khatam Quran tidak menjadi syarat khitan. Banyak yang dikhitan di klinik waktu bayi

walaupun masih ada juga yang dikhitan dalam usia 10 ke 12 tahun. Banyak doktor Islam di Singapura yang mengadakan khidmat perkhitanan.

Banyak MGB mengadakan perkhidmatan berkhitan waktu cuti sekolah. Ibu bapa yang hendak mengkhitan anaknya dalam waktu cuti sekolah boleh berurusan dengan MGB yang ada perkhidmatan itu. Majlis kenduri besar-besaran kerana khitan tidak lagi diadakan.

Adat Mengebumikan Jenazah

Upacara pengebumian jenazah sekarang dilaksanakan mengikut kaedah Islam sepenuhnya. Adat-adat Melayu yang berlandaskan kepercayaan lama seperti: menyusupkan anak cucu di bawah keranda, menjolok cucur genting, memecahkan pingan mangkok jika Mayat itu mati pada hari Sabtu, menaburkan kacang hijau tersangan di kubur dan yang sebagainya tidak diamalkan lagi..

Selaras dengan kepentingan pembangunan negara, semenjak 1970-an banyak kubur [antaranya: Kubur Wakaf, Kubur Ayer Gemuruh, Kubur Pasir Panjang, Kubur Kampung Bahru] telah digali dan sisa (bekas) mayatnya dipindahkan dan dikebumikan kembali di Pusara Abadi. Bekas kawasan perkuburan itu telah dipugar sebagai tapak pembangunan negara. Sekarang hanya tinggal satu sahaja kawasan perkuburan Islam yang masih digunakan di Singapura, iaitu Pusara Aman II¹⁹.

Wallahu a'lam bissawab..



1 makalah ini telah disampaikan kepada Seminar Adat Melayu Serantau, anjuran Kerajaan Negeri Melaka, di Muzium Negeri Melaka, Malaysia, pada 9 hingga 11 September 1996.

2 jabatan pilihanraya Singapura menakrifkan Melayu Singapura yang layak menjadi calon bagi kawasan undi GRC ialah rakyat Singapura yang (a) pada kad pengenalnya tercatat bahawa mereka adalah berbangsa Melayu; (b) keturunan mereka berasal dari kepulauan Melayu [sekarang disebut Indonesia dan Malaysia]; (c) beragama Islam yang salah satu bojo (spouse)nya adalah orang Melayu atau keturunan mereka yang berasal dari kepulauan Melayu; dan (d) beragama Islam serta bergiat dalam dan untuk kesejahteraan masyarakat Melayu.

3 pemansuhan adat ini dilakukan berasaskan perbilangan adat yang mengataran: Adat bersendi syarak, Syarak bersendi kitabullah, Syarak mengata adat memakai, Apabila berdiri syarak, maka gugurlah adat.. Adat lalu di tengah terang, Muafakat lalu di dalam gelap, Alah adat oleh muafakat.

4 ulang tahun pada 1996.

5 kampung yang tidak ada lagi ialah kampung yang disebut perbilangan adat: duduk berpelarasan, dekat rumah dekat kampung, halaman satu sepermainan, sejamban setepian, segayang sepergiliran.. Akan kampung yang tersebut dalam pantun: malam ini kita

berkampung, pagi esok kita bercerai.. masih ada.

6 sesuai dengan anjuran peribahasa Melayu: masuk kandang kambing mengembik, masuk kandang lembu menguak

7 banci pada tahun 1996.

8 mengundang handai taulan mengunjungi rumah barunya dan menjamu mereka. Waktu undangannya terbuka sepanjang hari, dan jamuan diadakan secara prasmanan (buffet).

9 Adat merisik dan meraksi dilakukan untuk membantu ibu bapa memilih calon menantunya. Merisik dilakukan kerana ibu bapa mahukan menantu yang dapat membantu membina rumah tangga anaknya. Dan, meraksi dilakukan kerana ibu bapa mahukan jodoh anaknya akan kekal berpanjangan dan mereka hidup bahagia.

10 menurut adat lama: ikrar helah lelaki luncur, helah perempuan ganda adalah perkara yang serius, kerana ia menjamin bahawa pertunangan itu akan terputus di tengah jalan.

11 cincin belah rotan melambangkan mutu ikatan yang kukuh; selaras dengan ajaran peribahasa yang berkata: tiada rotan akar berguna - yakni rotan lebih baik dari akar.

12 jika permohonan itu ditolak, calon pemoligami boleh merayu kepada Lembaga Rayuan MUIS supaya permohonan itu ditimbalan semula.

13 pada tahun 1996.

14 ù berinai curi - dilakukan di kalangan keluarga perempuan dalam minggu kerja kahwin; pihak lelaki tidak diberitahu.
ù berinai kecil - dilakukan selepas nikah, bergilir-gilir lelaki kemudian perempuan.
ù berinai besar - dilakukan pada hari langsung; kedua-dua pengantin diberinakan.

15 makan sehidang berempat ialah antara adat Melayu makan kenduri yang ditetapkan Sultan Muhammad Shah, Melaka, pada tahun 1424.

16 adat bersilatur-rahmi antara pengantin dengan keluarga kedua belah pihaknya.

17 satu kaedah menyampaikan hadiah (sumbangan) wang yang dimasukkan di dalam envelope; disampaikan kepada penerima melalui jabat salam. Ada juga orang yang menyebutnya dengan kata salam keruk.

18 sekarang, Singapura mempunyai hospital khusus bagi wanita dan kanak-kanak di KK. khabarnya: yang terbesar di dunia.

19 khabarnya, sekarang sedang difikirkan sama ada perkuburan Pusara Aman I yang sudah berusia lebih 20 tahun itu patut digali; mayat-mayatnya dipindahkan ke Pusara Abadi; dan kawasan itu digunakan semula untuk mengebumikan mayat baru apabila kawasan Pusara Aman II sekarang ini kelak kehabisan ruang.

PERSOALAN KATA MAJMUK DALAM BAHASA MELAYU

Prof Madya Dr Kamsiah Abdullah

Dalam sukatan pelajaran Baru Bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, kata majmuk dimasukkan sebagai salah satu butiran yang patut diajarkan kepada murid-murid sekolah Menengah Tiga. Dalam hal ini kata majmuk dimasukkan sebagai salah satu kata daripada kata bentukan. Dan di antara matlamat pengajaran yang diterakan ialah untuk mengetahui kaedah pembentukan kata bentukan yang menghasilkan kata turunan dan kata majmuk dan juga dapat menggunakan kata-kata tersebut dengan betul bila membina ayat".

Matlamat ini dirasakan wajar bagi murid-murid di peringkat tersebut memandangkan bahawa mereka bukan sahaja akan dapat mengenali kata majmuk, tetapi juga mengetahui pembentukan kata-kata itu. Hanya kami rasakan bahawa penjelasan umum mengenai kata majmuk itu tidaklah lengkap dan memungkinkan tanggapan atau pemahaman yang salah di pihak guru dan murid.

Kata majmuk itu telah dijelaskan sebagai perkataan "yang dasarnya terdiri dari dua atau lebih patah kata dasar dan ditulis dengan atau tanpa sempang". Contoh yang diberi, saya perturunkan di sini iaitu: *ketidakjujuran, penyalahgunaan, diketepikan, dan ketidakadilan*.

Ternyata di sini bahawa taarif kata majmuk itu adalah terlalu luas, samar-samar dan tidak begitu tepat. Mungkin ini disebabkan oleh kecamuknya keadaan penghuraian tatabahasa Melayu pada masa itu sehinggakan satu penjelasan yang sempurna tidak didapati. Tetapi

yang menjadi realiti ialah peri ¹kecamuknya fikiran guru-guru dalam menghuraikan persoalan ini. Boleh dikatakan bahawa setiap ada peluang dalam perbincangan tentang bahasa, soalan mengenai kata majmuk akan dikemukakan. Rencana ini merupakan satu usaha untuk menjelaskan beberapa ciri penting tentang kata majmuk, berdasarkan penghuraian tokoh-tokoh bahasa seperti Prof. Asmah Hj. Omar, Lutfi Abbas, Arbak Othman, Abdullah Hassan dan Liaw Yock Fang

Sebenarnya tanda sempang (-) bukanlah merupakan ciri penting bagi kata majmuk. Fungsi tanda sempang yang lumrah ialah sebagai penanda kata ganda atau kata ulang, sama ada kata ulang penuh, kata~ulang bertingkah atau kata ulang semu. Prof. Asmah (1980) pernah menyarankan penggunaan tanda sempang ini dalam penulisan kata majmuk tertentu di mana tanpa penggunaan tanda tersebut boleh menyebabkan kekeliruan. Perkataan yang disarankan ialah, peti-ais, menganak-tirikan, penyalah-tempatan dan lain-lain; tetapi saranan ini belum sempat diterima.

Berkenaan dengan contoh-contoh kata majmuk yang terdapat dalam sukatan pelajaran pula, didapati semua contoh yang diberi itu ialah kata kompleks atau kata majmuk kompleks. Contoh-contoh kata majmuk jenis selapis tidak ada yang dinyatakan. Ini membesarkan kemungkinan pihak guru menganggap bahawa kata kompleks tidak ubah sebagai kata majmuk.

Untuk menghuraikan maksud kata majmuk

Adakah kita hendak menerima semua kata-kata di atas sebagai kata majmuk, kerana ternyata syarat minima dari segi pengertian kata majmuk dan juga bidang makna telah boleh menempatkan kata-kata tersebut sebagai golongan kata majmuk?

Ternyata huraian dan definisi di atas akan memberi kita satu senarai kata majmuk yang sangat banyak dan luas, mencakupi apa yang kita kenali sebagai ungkapan, parataksis dan juga-sebilangan frasa. Bagi tujuan-tujuan praktikal seperti dalam pengajaran bahasa, penghuraian demikian bukannya menjelaskan dan tidak mencukupi bagi menerangkan apakah sebenarnya kata majmuk itu, apatah lagi memandangkan sistem ejaan bagi kata majmuk ini tidak begitu selaras, iaitu ada yang disatukan ejaannya dan ada pula yang dipisahkan ejaannya.

Dengan tujuan mencari penyelesaian tentang masalah ini ada baiknya jika kita meninjau sejarah ataupun proses yang dilalui oleh gabungan kata yang menjadi kata majmuk itu. Menurut Asmah (82) timbulnya kata majmuk mungkin berdasarkan kebiasaan dalam tulisan jawi yang menimbulkan kata grafemis yang boleh terdiri dari dua kata nahuan atau lebih. Misalnya *matahari* () dan *kerjasama* ().

Di samping itu ada juga kata-kata yang dibentuk berdasarkan konstruksi Sanskrit seperti "bumiputera" dan "urusetia". Dan juga akhir-akhir ini bentuk kata majmuk ini digunakan oleh kerana hendak memenuhi keperluan mencari istilah Bahasa Malaysia sebagai padanan bagi istilah Inggeris.

Dilihat dari perspektif begini ternyata bahawa proses pembentukan kata ini berlaku secara beransur-ansur dan terdapat pula satu kontinuum tentang kemantapan kata majmuk di mana pada satu hujung terdapat kata-kata yang belum begitu mantap tarafnya sebagai kata majmuk sementara di hujung yang lain pula terdapat kata majmuk yang telah begitu mantap kedudukannya sehingga kadangkala perkataan itu dianggap sebagai satu kata tunggal saja, seperti halnya dengan perkataan "matahari, keluar, walaupun, meskipun, kadangkala, seringkali dan acap kali".

Susulan dari pengamatan ini Prof. Asmah membahagikan kata majmuk kepada dua kategori iaitu kata majmuk jati dan kata majmuk perantaraan. Penulis cenderung untuk menggunakan cara penjenisan ini sebagai jalan tengah di antara dua pola pendapat yang berbeza, iaitu pendapat Lutfi (1982) yang menganggap kata majmuk sebagai:

dua kata atau lebih yang mempunyai urutan kata yang mengikut aturan tatabahasa dan yang mempunyai makna lain daripada gabungan makna bahagian-bahagian yang bukan kata tunggal, kata kompleks, frasa nama, parataksis, atau ungkapan

dan pendapat Liaw (1985) yang memasukkan ketiga frasa nama, parataksis dan ungkapan sebagai contoh kata majmuk.

Kata majmuk jati dari definisi Asmah ialah kata majmuk yang mempunyai ikatan kemajmukan yang telah mantap. Ia tidak memerlukan imbuhan untuk bertaraf sebagai kata majmuk. Kata majmuk perantaraan pula ialah kata majmuk yang sama ada memerlukan imbuhan sebagai 'kata majmuk atau pun tidak menunjukkan ciri-ciri kemantapan dan segi penggandaan.

Oleh itu penggandaan dan pengimbuhan dapat dijadikan penguji untuk membezakan di antara kata majmuk jati dan kata majmuk perantaraan.

A) Penggandaan

Jika digandakan keseluruhannya, selagi wujud dua bentuk yang bersaing iaitu

1. kedua-dua unsur kata digandakan dan
2. hanya unsur pertama kata tersebut yang diulang,

maka kata-kata itu tidak boleh dianggap sebagai kata majmuk jati. Berdasarkan kriteria ini maka dalam gabungan kata seperti di bawah ini di mana kedua-dua unsur kata tersebut digandakan, boleh dianggap sebagai kata majmuk jati

rekabentuk	aturlcara	suruhanjaya	ke bumi	mengebumikan
carigali	bumiputera	keretapi	ke tengah	mengenengahkan
jawatankuasa	cepumas	setiausaha	ke depan	mendepankan
urusetia	dermasiswa	ubahsuai	tidak puas	ketidak puasan
hakmilik	tanahair	warganegara	salah guna	penyalahgunaan
ujikaji	urusniaga	rumahtangga		
pancaindera	tandatangan	temuramah		
ubahelok				

B) Pengimbuhan

Di bawah ini diperturunkan~senarai kata majmuk perantaraan iaitu hanya satu daripada unsur pembentuk kata yang digandakan.

bilik tidur digandakan menjadi bilik-bilik tidur

rumah sakit	rumah-rumah sakit
kapal terbang	kapal-kapal terbang
kaki lima	kaki-kaki lima
rumah pangsa	rumah-rumah pangsa
papan hitam	papan-papan hitam
anak-angkat	anak-anak angkat
ibu ayam	ibu-ibu ayam
balai polis	balai-balai polis
datuk nenek	datuk-datuk nenek
muka tembok	muka-muka tembok

Dalam kategori ini juga (kata majmuk perantaraan), boleh dimasukkan kata-kata yang hanya bertaraf sebagai kata majmuk jika dikenakan imbuhan, tetapi tanpa imbuhan kata-kata tersebut digolongkan sebagai frasa. Contohnya:

<u>ke samping</u> menjadi <u>dikesampingkan</u>	
<u>ke tepi</u> menjadi <u>mengenepikan</u>	
tidak adil	ketidakadilan
tidak pasti	ketidakpastian
ke muka	mengemukakan

Jika pengimbuhan dilakukan pada kata majmuk jati maka awalan, akhiran atau imbuhan terikat terbahagi tersebut akan berfungsi bersama-sama dengan kedua-dua unsur kata majmuk tersebut. Misalnya dalam kata "bertanggungjawab", awalan 'ber' berfungsi bersama-sama dengan tanggungjawab, bukan dengan 'tanggung sahaja atau jawab sahaja. Demikian juga dengan contoh-contoh di bawah ini

berurusniaga	berumahtangga
pengubahsuaian	dipertanggungjawabkan
dikemaskinikan	ditandatangani
kewarganegaraan	mengadudombakan
merekabentuk	menghakmilikkan

Pembahagian antara kata majmuk jati dan kata majmuk perantaraan ini mungkin dapat menolong menyelesaikan kekeliruan di pihak guru. Pengenalan kata majmuk jati berdasarkan kriteria sama ada diganda seluruh perkataan atau sebahagiannya saja akan menyenangkan guru-guru memilih contoh-contoh tetapi juga dalam membetulkan contoh kata majmuk yang diberi oleh murid. Jika dalam bahasa Inggeris tekanan suara dapat membezakan antara kata majmuk dan frasa, maka dalam bahasa Melayu penggandaan adalah ujian yang dapat menentukan sama ada gabungan kata itu ialah majmuk jati ataupun tidak.



RUJUKAN

- Abdul Chaer Mad'ie (1982). Usaha Mencari Identiti Kata Majmuk Dalam Bahasa Indonesia, *Jurnal Dewan Bahasa*, Jun 1982.
- Abdullah Hassan (1980). *Linguistik Am Untuk Guru-guru Bahasa Malaysia*; Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Aishah Mahdi, Kata Majmuk dalam Bahasa Malaysia, *Jurnal Dewan Bahasa*, Jun 1975.
- Arbak Othman. (1981). *Tatabahasa Bahasa Malaysia*. Sarjana Enterprise,
- Asmah Hj. Omar. (1980). *Nahu Melayu Mutakhir*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Pustaka.
- Gorys Kerat. (1984) *Tatabahasa Indonesia*, cetakan X, Jakarta Nusa Indah.
- Liaw Yock Fang. (1985). *Nahu Melayu Modern*. Singapura: Pustaka Nasional.
- Lutfi Abbas (1982). Kata Majmuk. *Jurnal Dewan Bahasa*, Nov 1982.

PEMINJAMAN BAHASA: RASIONAL DI SEBALIKNYA

Roksana Bibi bte Abdullah

Dalam bidang linguistik, kajian tentang peminjaman adalah terangkum di dalam bidang pertembungan bahasa. Pertembungan bahasa dianggap oleh sesetengah ahli antropologi sebagai satu aspek dalam pertembungan budaya.

Peminjaman merupakan satu contoh penyerapan budaya, yakni penyebaran satu butiran budaya daripada seseorang kepada seseorang. Pandangan tentang peminjaman ini dianggap sebagai satu faktor yang positif oleh kebanyakan ahli bahasa dalam bidang ini, iaitu daripada Sapir, (1921) hinggalah kepada Haugen, (1953).

Sapir menyatakan bahawa walau apapun darjah atau ciri perhubungan antara kumpulan budaya, keadaan ini sudah cukup untuk menyebabkan bahasa itu pengaruh-mempengaruhi, dan mengikut Sapir, (1921 : 193) "The simplest kind of influence that one language may exert on another is the borrowing of word."

Harimurthi, (1983) pula telah mendefinisikan peminjaman sebagai:

"..... pemasukan unsur fonologis, gramatikal, atau leksikal dalam bahasa atau dialek dari bahasa atau dialek lain kerana kontak atau peniruan"

Nampaknya, Harimurthi menekankan kontak atau hubungan sebagai faktor yang penting dalam peminjaman. Hartmann dan Stork (1972) yang juga menganggap pertembungan sebagai punca terjadinya peminjaman mengatakan: "The influence of different languages upon each other due to frequent meetings between their

speakers. Linguistic contact is characterized by bilingualism, borrowing and linguistic change, caused by direct learning, translation and deliberate language teaching. Sometimes mixing of different language forms may create creole or pidgin languages."

(Hartmann dan Stork, 1972:51)

Dengan adanya hubungan di antara penutur dari dua bahasa yang berbeza ini, maka peminjaman boleh berlaku melalui beberapa cara, seperti pembelajaran, penterjemahan dan sebagainya.

Peminjaman item-item leksikal dari bahasa asing kerap berlaku dalam kebanyakan bahasa di dunia. Menurut Othman (1989):

'...bahasa bangsa negara maju pun tidak terhindar daripada soal peminjaman ini. Tidak ada satu bahasa yang hidup di dunia yang tidak meminjam dari bahasa lain.

Bahasa Inggeris juga banyak meminjam istilah daripada bahasa Yunani dan Latin. Dalam bidang perubatan, 95% istilahnya ialah istilah pinjaman, hanya 5% saja merupakan kata-kata asli Bahasa Inggeris."

(Othman, 1989 : 9)

Jika kita tinjau BM sendiri, dapat dilihat bahawa sejumlah item-item leksikal asing yang agak besar telah diambil masuk ke dalam perbendaharaan kata BM. BM, sejak awal perkembangannya telah banyak menerima pengaruh asing melalui pertembungan di antara masyarakat Melayu dengan bangsa-bangsa asing. Contohnya, dalam aktiviti-aktiviti seperti perdagangan, penjajahan, perpindahan dan sebagainya. Bangsa-bangsa asing seperti India,

Arab, Parsi, Cina, Portugis dan Inggeris telah memainkan peranan yang besar dalam penyebaran bahasa-bahasa mereka di kalangan masyarakat Melayu. Ini telah menyebabkan berlakunya peminjaman bahasa-bahasa asing ke dalam BM.

Identifikasi Pinjaman

Sebelum analisa tentang peminjaman dibuat, biasanya kita terlebih dahulu harus mengenal-pasti peminjaman itu sendiri. Terdapat beberapa cara atau kaedah yang telah disarankan oleh para sarjana dalam usaha mengenalpasti unsur-unsur yang dipinjam. Setiap jenis tadi ada kelebihan dan kekurangan yang tertentu. Heah (1989:21), telah merumuskan kaedah-kaedah yang dijalankan oleh para sarjana yang mengkaji peminjaman bahasa ini kepada dua jenis pendekatan, iaitu:

- (a) Pendekatan Sinkronik
- (b) Pendekatan Diakronik

Dalam pendekatan sinkronik, kriteria yang formal digunakan di mana bentuk-bentuk bahasa yang wujud pada masa kajian dibuat sahaja yang diambilkira. Kriteria formal di sini bermaksud, kajian dilakukan bagi melihat darjah penggantian bentuk-bentuk fonemik dan morfemik yang berlaku pada 'model' (bentuk asli kata peminjaman) dalam bahasa penerima.

Nampaknya, pendekatan sinkronik ini tidak akan dapat mengesan kata-kata pinjaman yang telah disesuaikan dengan sistem bahasa yang meminjam. Kata-kata pinjaman yang sememangnya mirip atau sama unsur-unsur fonologi atau morfologi dengan bahasa penerima juga sukar untuk dikesan. Jika kita menggunakan pendekatan sinkronik ini misalnya, kata-kata seperti *kepada*, *muka*, *sutera*, *cendana*, dan *neraka* tidak akan dapat dibuktikan sebagai kata-kata pinjaman. Ini adalah kerana fonem-fonem serta struktur pembentukan kata-kata tersebut sama seperti yang dimiliki oleh BM asli.

Jelas di sini bahawa, identifikasi bagi bentuk-bentuk pinjaman tersebut agak mustahil diperolehi tanpa pengetahuan tentang tahap-tahap awal bahasa tersebut, serta hubungannya

dengan bahasa-bahasa lain. Dengan itu, pendekatan diakronik perlu diutamakan dalam kajian peminjaman.

Haugen (1950), menyedari keperluan sejarah sesuatu bahasa itu ditinjau bagi melihat perubahan-perubahan yang berlaku dalam kata-kata pinjaman. Beliau telah menyarankan kaedah linguistik historikal dalam kajian peminjaman.

Menurutnya:

"Borrowing is a historical process, and therefore to be identified only by historical methods." (Haugen, 1950:100)

Kaedah historikal yang terangkum dalam pendekatan diakronik dianggap sebagai lebih sesuai kerana peninjauan perkembangan sesuatu bahasa itu dapat mencungkil segala jenis perubahan yang berlaku pada bahasa tersebut. Dengan cara begini, kata-kata pinjaman yang selaras dengan struktur kata asli bahasa penerima juga dapat dikesan. Ini boleh dinilai melalui kebudayaan-kebudayaan asing yang bertembung dengan masyarakat penutur BM sehingga menyebabkan berlakunya peminjaman.

Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Berlakunya Peminjaman

Pertembungan bahasa atau perhubungan di antara penutur-penutur bahasa-bahasa yang berbeza merupakan satu punca yang berhubungkait dengan fenomena peminjaman ini. Malah Haugen (1953:363) telah merujuk peminjaman sebagai satu difusi linguistik akibat pertembungan tadi. Asmah (1987:7) juga menekankan isu pertembungan ini. Menurut beliau, taraf atau darjat golongan manusia yang bertembung tadi berhubung rapat dengan jenis kata-kata yang dipinjam. Contohnya, pertembungan di antara golongan raja Melayu dengan golongan pendatang dari India telah membawa kepada peminjaman kata-kata Sanskrit yang 'berbudaya tinggi'. Ini merangkumi kepercayaan agama dan adat istiadat seperti kata-kata *raja*, *agama*, *bakti*, *negeri* dan sebagainya.

Secara keseluruhannya, Heah (1989:14) telah menggolongkan faktor-faktor peminjaman ini kepada dua bahagian, iaitu faktor struktural dan faktor kebudayaan.

Faktor-faktor Struktural

Di antara faktor-faktor struktural yang merangsang peminjaman adalah:

(a) Darjah Kesamaan Struktur

Sekiranya bahasa-bahasa yang bertembung itu memiliki struktur yang sama atau mirip, maka lebih tinggilah kemungkinan bagi berlakunya peminjaman. Haugen (1956), yang mengkaji kata-kata peminjaman BI ke dalam bahasa-bahasa lain telah membuktikan bahawa kemiripan struktur kedua-dua bahasa yang terlibat telah menggalakkan berlakunya peminjaman.

Struktur ini juga memudahkan integrasi kata-kata pinjaman dari segi fonologi dan juga tatabahasanya seperti yang dinyatakannya dalam petikan ini:

"Languages which have parallel structures have little difficulty intergrating loan material: nouns are accepted as nouns and given inflections and syntactic position of nouns, adjectives as adjectives, etc."

(Haugen, 1956 : 44)

Dapat difahami di sini bahawa kesamaan struktur kedua-dua bahasa yang terlibat memudahkan berlakunya peminjaman.

(b) Morfem Bebas

Bentuk sesuatu unsur bahasa itu juga memberi kesan kepada peminjaman. Menurut Weinreich (1953:34-35) morfem-morfem yang mempunyai fungsi nahan yang kompleks agak kurang kemungkinannya untuk dipinjam berbanding dengan morfem-morfem yang mudah fungsi nahuannya. Golongan kata yang terangkum dalam kata nama (kn) dan kata kerja (kk) yang bebas (tanpa sebarang imbuhan) dikatakan sebagai lebih mudah dipinjam berbanding dengan morfem-morfem terikat.

Jika dilihat kata-kata pinjaman dari India ke dalam BM contohnya, morfem-morfem bebas mencapai ke tahap angka ratusan, seperti yang disenaraikan oleh Beg (1981). Namun, morfem terikat yang pinjam sangat terhad misalnya *man*, *wan*, *wati*, *maha*, *eka*, *pra* dan sebagainya.

(c) Keperluan Membezakan Bidang Semantik

Keperluan bagi mendapatkan istilah yang

sebenar-benarnya tepat bagi sesuatu perkara juga membawa kepada peminjaman. Menurut Weinreich (1953:16), biasanya orang yang dwibahasa tidak sahaja terdedah pada bahasa asing, tetapi terdedah juga pada kebudayaan penutur natif bahasa tersebut. Oleh kerana itu, mereka mungkin merasakan bahawa beberapa perkara tidak dapat dibezakan sepenuhnya dari segi semantik oleh bahasanya. Ini akan membawa kepada peminjaman kata asing bagi menyatakan makna yang tepat (full meaning) bagi sesuatu perkara atau benda sebagaimana penutur itu memahaminya.

Dalam kajian penggunaan bahasa wartawan Melayu, Md. Taib Osman (1966:9) menonjolkan bahawa masalah keinginan menyampaikan makna yang tepat ini telah menyebabkan para wartawan ini menggunakan kata-kata Inggeris. Setiap kali para wartawan ini merasakan bahawa padanan dalam BM bagi sesuatu kata atau istilah BI itu tidak begitu tepat, mereka akan meletakkan versi Blnya di dalam kurungan.

Jika kita tinjau situasi bahasa masa kini, masalah ketepatan makna yang jitu sangat ketara dalam masa penciptaan istilah sains terutamanya. Hamid, (dilihat dalam Sulaiman dan Zainal, 1989: 242-243) telah memberikan contoh istilah **pembelahan** yang digunakan sebagai padanan istilah-istilah BI seperti '*splitting*', '*cleavage*' dan '*fission*'. Menurutnya, istilah pembelahan tidak berupaya menunjukkan perbezaan ketiga-tiga istilah BI tadi.

Terdapat juga kes di mana istilah BI yang telah dicipta dalam BM tetapi diubah semula dengan meminjam bentuk asal dari BI kerana faktor ketepatan makna ini. Contohnya:

Istilah BI	Istilah Dahulu	Istilah Sekarang
'revolution'	ubah desak	revolusi
'vacuum'	hampa gas	vakum
'respiration'	pernafasan	respirasi
'carnivorous'	maging	karnivor

Faktor-faktor Sosio-Kebudayaan

Faktor-faktor sosio-kebudayaan pula, yang telah dikenalpasti adalah:

(a) Prestij Bahasa

Prestij bahasa adalah faktor yang agak dominan dalam menentukan peminjaman. Secara umumnya, kebanyakan sarjana-sarjana yang mengkaji peminjaman ini bersetuju bahawa arah peminjaman adalah dari bahasa yang berprestij tinggi kepada bahasa yang lebih rendah prestijnya. Kenyataan ini jelas dalam petikan di bawah ini:

"In all cases, ... it is the lower language which borrows predominantly from the upper."

(Bloomfield, 1933:464)

Dalam kes BM, bahasa Sanskrit dan Arab boleh dikatakan sebagai berprestij lebih tinggi kerana tamadun dan imej penuturnya sebagai 'guru' yang mengajar hal-hal kebudayaan dan keagamaan. BI pula muncul sebagai golongan yang moden, dan maju dari segi ilmu pengetahuan serta sebagai pihak pemerintah. Oleh itu, faktor prestij menjadi salah satu faktor yang penting bagi fenomena peminjaman dalam BM.

(b) Kecukupan Perbendaharaan Kata

Peminjaman boleh juga berlaku kerana kepentingan untuk kata atau lambang bagi alat atau konsep penemuan-penemuan yang baru. Heah (1989:18) menyatakan bahawa perkara ini sering berlaku bila mana idea-idea atau konsep-konsep dari masyarakat asing diterima, maka item leksikal atau istilah yang mendukung konsep tadi akan dipinjam sama. Kita boleh merujuk kepada kata-kata pinjaman seperti **komputer**, **televisyen**, **telefon** serta istilah-istilah seperti **komunisme**, **demokrasi**, **sosialisme** sebagai contoh bagi faktor kekurangan perbendaharaan kata ini.

Ahli etnologi menganggap proses begini sebagai difusi budaya. Menurut Bloomfield (1935:510, trj.) tiap-tiap masyarakat mempelajari sesuatu dari jirannya. Objek, baik semulajadi mahupun buatan biasanya berpindah dari satu masyarakat ke satu masyarakat, begitu juga dengan pola-pola tindakan, seperti tata cara teknikal, amalan-amalan seperti peperangan, upacara agama, dan sebagainya. Bersama-sama dengan objek atau amalan, bentuk-bentuk bahasa yang digunakan untuk menamai objek dan amalan ini disebarkan kepada masyarakat yang menerimanya. Dengan cara beginilah

peminjaman bahasa ini berlaku.

(c) Sikap Masyarakat

Sikap yang positif atau negatif terhadap pengambilan kata-kata asing akan menentukan arah penambahan perbendaharaan kata sesuatu bahasa.

Heah (1989:19), telah menegaskan bahawa sekiranya komuniti penutur sesuatu bahasa itu menginginkan pengkekalan keaslian bahasa mereka, maka sudah tentu sukar untuk kata-kata asing dipinjam. Jika berlaku peminjaman sekalipun, bilangannya adalah sangat kecil sekali.

Isu sikap ini juga telah disentuh oleh Asmah (1987) yang menyatakan:

"... acceptability or non-acceptability of these elements is given again based on the attitude of the people involved in decision making, viz. the language planners. A liberal attitude may admit these elements into the language, while a conservative and puristic one will shun them."

(Asmah, 1987:12)

Nampaknya, Asmah lebih menekankan sikap perancang bahasa atau jawatankuasa peristilahan yang bertanggungjawab menentukan pemilihan kata-kata bagi konsep-konsep baru.

Isu sikap jawatankuasa peristilahan ini telah dibincangkan juga oleh Abdullah Hassan (1987:131-133). Beliau telah menggolongkan jawatankuasa peristilahan dalam tahun-tahun 60an dan 70an kepada tiga kelompok. Penggolongan ini adalah berdasarkan pada sentimen atau sikap mereka terhadap peminjaman. Pembahagian yang beliau buat ialah:

- (i) Tulen (Konservatif)
- (ii) Progresif (Liberal)
- (iii) Sederhana (Adaptif)

Dengan adanya golongan konservatif yang menganggap bahawa unsur luar membawa kepada kerosakan BM, maka penciptaan istilah-istilah baru yang bersifat Melayu seratus peratus telah cuba mereka usahakan. Contohnya, istilah **kaji hayat** (biology), **ilmu hisab** (mathematics), **ilmu alam** (geography) dan sebagainya telah diperkenalkan pada masa itu.

Di Indonesia juga wujud golongan tulen ini yang tidak mahu mengambil istilah-istilah Belanda. Ini menurut Umar Junus (1990) mempunyai hubungan dengan "permusuhan" terhadap Belanda. Menurut beliau:

"...dengan begitu ada nada nasionalisme. Dirasa perlu ada istilah kita yang "lain" dari Belanda. Untuk meyakinkan diri tentang kewujudan bangsa, setiap istilah Belanda atau Barat, termasuk Inggeris mesti diMelayukan. Di Indonesia kecenderungan ini makin mengental dengan adanya perjuangan bersenjata melawan kembalinya Belanda. Keterikatan kepada istilah Belanda mengesankan keterjajahan diri."

(Umar Junus, 1990:3)

Walau bagaimanapun, pandangan serta bangkangan golongan tulen ini tidak berjaya menghalang peminjaman kata-kata asing. Keperluan istilah-istilah yang begitu mendesak dalam pelbagai bidang ini tidak mampu diatasi dengan kata-kata asli. Kesedaran beberapa linguist Melayu juga yang begitu tegas dengan pegangan dan sikap terbuka mereka. Contohnya, Asmah (1987:12), menganggap sikap 'tulen' itu sebagai tidak praktikal dan 'retrogressive'. Sikap yang terbuka begini telah membawa kepada peminjaman istilah-istilah asing yang perlu.

Weinreich (1953:57), juga menganggap peminjaman item-item leksikal yang telah sedia ada dalam bahasa-bahasa asing adalah lebih ekonomikal daripada menghuraikan semula istilah atau kata-kata tadi. Menurut beliau:

"Lexical borrowing of this type can be described as a result of the fact that using ready made designation is more economical than describing things afresh. Few users of language are poets."

(Weinreich, 1953:57)

Dengan ini, nampaknya isu sikap memainkan peranan yang agak penting dalam menentukan peminjaman dari bahasa-bahasa asing.

Proses-Proses Peminjaman

Istilah-istilah yang dipinjam biasanya menampakkan beberapa perbezaan serta kesan dalam proses pengalihannya. Dapat dirumuskan bahawa terdapat tiga aspek atau proses yang utama yang kerap menjadi tumpuan para

pengkaji yang menganalisa peminjaman. Proses-proses yang dimaksudkan adalah:-

(a) Perubahan fizikal bentuk kata atau istilah asing itu apabila dipinjam.

(b) Perubahan semantik yang dialami oleh kata yang dipinjam itu dalam konteks masyarakat yang meminjamnya.

(c) Perubahan yang dialami oleh sistem bahasa yang meminjam kesan dari peminjaman.

Perubahan Fizikal Kata Pinjaman

Perubahan yang berlaku pada bentuk fizikal item pinjaman ini telah dikaji oleh ramai sarjana seperti Haugen (1950), Weinreich (1953), Bloomfield (1935), Asmah (1987), Heah (1989) dan lain-lain lagi. Menurut Haugen (1950):

"... loans of whatever kind may be analysed and described in terms of the extent to which they are modified by substitution of native habits."

(Haugen, 1950:288)

Untuk analisa begini, menurut beliau jenis peminjaman itu boleh dibandingkan secara formal, iaitu di antara 'model' dalam bahasa sumber dengan 'replikanya' dalam bahasa penerima (ibid, 1953:402).

Melalui perbandingan formal begini, Heah (1989), telah mengelompokkan bentuk-bentuk pinjaman tadi kepada tiga jenis yang utama, iaitu:

(1) 'Loanwords'

Contohnya, kata-kata seperti **Quaker Oats**, **skrip**, **kabin** dan sebagainya (Heah, ibid:101-104)

(2) 'Loanblends'

Contohnya, kata-kata seperti '**anti-pencemaran**', '**pra-sekolah**', '**kolar putih**' dan sebagainya (ibid).

(3) 'Loan Shifts'

Contoh yang dapat dilihat dalam kajian Heah (ibid: 164), ialah:

cold-war	perang dingin
Deputy Director	Timbalan Pengarah
black market	pasar gelap

Perubahan Semantik

Dari segi semantik pula, bentuk-bentuk pinjaman boleh dikaji dari sudut kandungan

makna yang dimiliki oleh kata atau istilah tersebut ataupun dari sudut taraf maknanya. Fenomena begini telah diperhatikan oleh Pyles dan Algeo (1982) yang menyatakan:

"... a sense may expand to include more referents than it formerly had (generalization), contract to include fewer referents (specialization), or shift to include a quite different set of referents (transfer of meaning).

The association of a word may become worse (pejoration) or better (amelioration) and stronger or weaker than they formerly were."

(Pyles and Algeo, 1982:242)

Ini bermaksud bahawa perubahan makna itu merangkumi pengitlakan makna, penyempitan makna, peninggian atau penurunan taraf makna serta pengukuhan atau pelemahan makna.

Jika dilihat proses-proses peminjaman dalam BM, didapati kata-kata pinjamannya tidak terkecuali dari perubahan-perubahan semantik ini. Contohnya:

(i) Peluasan Makna

Heah (1989:177), telah memberikan contoh kata-kata **halal** dan **haram** dari bahasa Arab. Kedua-dua kata ini sebenarnya merujuk perkara-perkara yang bersangkut paut dengan hal-hal keagamaan sahaja dalam bahasa Arab, tetapi dalam BM ia merujuk hal-hal keagamaan dan juga hal-hal yang umum. Misalnya ungkapan-ungkapan seperti, **mengharamkan pengambilan dadah**, **pendatang haram** dan sebagainya.

(ii) Penyempitan Makna

Menurut Heah (ibid:150) kata '**cake**' bersifat umum dalam BI iaitu bagi merujuk kuih yang dibakar. Namun, maknanya telah disempitkan kepada manisan atau kuih-kuih barat sahaja dalam BM. Begitu juga dengan kata **saman** yang hanya merujuk hal perundangan sahaja dalam BM kerana istilah tersebut dipinjam dalam bidang undang-undang. Untuk itu, konsep tersebut memerlukan satu istilah yang khusus dan monosemantik. Ini sesuai dengan kenyataan berikut:

"Semantic restriction is, of course, a deliberate policy in the area of terminology formation. This is because one of the requirements of specialised terms is that they should be monosemantic."

(Heah, ibid:151)

(iii) Pengalihan Makna

Kes pengalihan makna ini agak jarang berlaku berbanding dengan kes-kes yang lain. Menurut Heah (ibid:153), bentuk begitu biasanya diambil secara arbitrari, dan diterapkan untuk konsep baru tanpa menghiraukan makna asalnya. Walau bagaimanapun, terdapat perkaitan di antara makna baru dengan makna lamanya. Heah (ibid) telah memberikan contoh perkataan '**boy**' yang dalam BM merujuk kepada pembantu-lelaki (man-servant) tanpa mengira peringkat umurnya.

Kesan Peminjaman Terhadap Struktur Bahasa Penerima

Kata-kata atau istilah-istilah asing yang dipinjam biasanya membawa kepada beberapa perubahan terhadap struktur bahasa yang meminjam. Dalam kes BM, perubahan yang berlaku akibat peminjaman ini boleh ditinjau dari sudut struktur fonologi, morfologi dan juga sintaksisnya.

Dari segi fonologi, peminjaman kata-kata asing telah membawa kepada penambahan jumlah fonem-fonem ke dalam BM. Yunus Maris (1980), telah merujuk fonem asing yang dipinjam dalam BM sebagai fonem sekunder. Contohnya, fonem-fonem

/T/, /x/, /z/, /S/, /Á/, /f/, dan /v/ (Yunus Maris, 1980: 87)

Dari segi morfologi pula, kajian Heah (1989:143-145), menunjukkan bahawa bentuk-bentuk pinjaman pada dasarnya menggunakan sistem pengimbuhan BM. Contohnya: imbuhan /men/ digunakan untuk kata-kata pinjaman seperti **menormalkan**, **memonopoli**, **mengeksploit**; dan imbuhan /di/ seperti dalam kata-kata **diadaptasi** dan **disentralisasikan**.

Dari sudut sintaksis, ramai sarjana bersetuju bahawa sukar untuk struktur bahasa asing mempengaruhi bahasa penerima. Bloomfield (1935:520 trj.) contohnya, telah menekankan bahawa sama ada kata pinjaman itu kekal atau berubah dari segi bentuk atau maknanya, namun, dari segi tatabahasa, bentuk-bentuk pinjaman tertakluk kepada bahasa yang meminjam.

Dalam kes BM sendiri, Heah (1987)

menyatakan:

"The grammatical integration of English loanwords in written bahasa Malaysia, generally does not present any real problem. They are subjected to the same grammatical processes as native Malay words."

(Heah, ibid:143)

Dari perbincangan fenomena meminjam ini,

jelas dapat kita fahami bahawa BM tidak dapat mengelak dari meminjam kata-kata dan istilah-istilah asing bagi menampung tugas barunya, terutamanya sebagai bahasa ilmu pengetahuan.

Di samping itu, makna kata-kata pinjaman ini juga telah mengalami pelbagai perubahan untuk disesuaikan dengan keperluan aspek-aspek tertentu dalam BM.




Bibliografi

- Abdullah Hassan 1987. *Isu-isu Perancangan Bahasa: Pengintelektualan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj Omar, 1987. *Malay in Its Sociocultural Context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1988. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1991. *Aspek Bahasa dan Kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1992. *Kajian dan Perkembangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Beg, M.A.J. 1981. *Indo-Sanskrit Loan-Words in Malay*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bloomfield, L. 1933. *Language*. London: George Allen & Unwin Ltd.
- _____ 1935. *Bahasa (Language) Edisi Pertama*.
- Diterjemahkan oleh Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin dan Noor Ein Mohd. Noor. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. (Teks asal dalam bahasa Inggeris)
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1975 dan 1987. *Pedoman Umum Pembentukan Istilah Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- _____ 1991. *Istilah Linguistik Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Felber, H. 1985. *Terminology Manual*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. UNESCO.
- Harimurti Kridalaksana. 1983. *Kamus Linguistik*. Jakarta: PT Gramedia.
- Hartmann R.R.K. & Stork, F.C. 1972. *Dictionary of Language and Linguistics*. London: Applied Science Publishers Ltd.
- Haugen, E. 1950a. "The Analysis of Linguistic Borrowing" dalam *Language*, Vol. 26. Dicitak semula dalam *The Ecology of Language*, Stamford: University of Stamford Press, 1972, hlm. 78-109.
- _____ 1950b. "Problems in Bilingualism" dalam *Lingua*, Vol. 2(3), hlm. 271-290.
- _____ 1953. *The Norwegian Language in America*. 2 vols, Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- _____ 1956. *Bilingualism in the Americas: A Bibliography and Research Guide*. Alabama: University of Alabama Press.
- Heah, Lee Hsia Carmel. 1989. *The Influence of English on the Lexical Expansion of Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Taib Osman. 1966. *The Language of the Editorials in Malay Vernacular Newspapers up to 1941*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Ismail. 1989. "Isu-isu Peristilahan: Satu Penjelasan". Kertas kerja dalam Seminar Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka (stensilan).
- Pyles, T. & Algeo, J. 1982. *The Origin and Development of the English Language*. New York: Harcourt Brace Javanovich Inc.
- Sulaiman dan Zainal (eds.). 1989. *Kertas kerja Seminar Penggunaan Istilah Sains*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umar Junus. 1990. "Istilah dan Kita: Suatu Problematik". Kertas kerja Seminar Bahasa, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur (stensilan).
- Weinreich, U. 1953. *Language in Contact*. The Hague: Mouton.
- Yunus Maris. 1980. *The Malay Sound System*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.

P

enerbangan ini membawaku ke sana lagi. Tapi semua tidak seperti dulu. Betapa berbeza perasaan ini, berbanding pertama kali ke sana. Biarpun berada dalam perjalanan dan destinasi yang sama. Dulu penuh bimbang, penuh ragu. Bagaimana keadaan di sana? Beranikah menghadapi wajah-wajah asing? Mampukah ikuti pengajian? Bagaimana kalau gagal? Seribu kekalutan mencengkam sepanjang penerbangan I. Aku tersenyum mengenang pucat diri ketika itu.

Dulu memang sana. Sejak kecil aku bercita-menara gading. Dua tangga sudah suatu kejayaan, berdasarkan masyarakat yang masih bergelut hebat untuk Puncak itu adalah suatu harapan, suatu impian. pengajian, peluang itu tidak kulepaskan.



tidak yakin. Tetapi aku tetap mahu ke cita untuk ke puncak itu. Mercu menara sudah didaki. Ini latar keluarga dan ke tangga pertama. Bila ditawarkan tajaan

Tetapi, bagaimana dapat kuyakinkan Yang untuk membenarkan pergi? 'Tiga tahun? Mengapa tidak sambung di dalam negeri sahaja?'

'Memang boleh. Tapi sponsorship itu untuk pengajian luar negeri. Bukan mudah mendapatnya. Ini peluang terbaik menimba ilmu dan pengalaman baru dari sistem dan sekitaran berbeza.' Jelasku.

Aku sedar kesan pemergian ini terhadap rumahtangga kami. Tetapi aku enggan, atau lebih tepat lagi takut, untuk memikirkannya kerana hatiku bulat untuk ke sana. Banyak kisah ngeri yang terdengar tentang perpecahan rumahtangga apabila pasangan berjauhan kerana seorang berada di luar negeri. Ijazah berjaya

KEPOMIPONG

Hadijah Rahmat

diraih, tetapi sijil cerai menyusul. Lebih buruk lagi, bila dua-dua tidak kesampaian, patah cita, musnah cinta. Pengajian itu adalah amanah masyarakat. Mudah-mudahan musibah itu tidak menimpa kami. Semoga kami saling memahami, mempercayai. Alhamdulillah, aku bertuah, kerana mendapat restunya, emak, bapak dan seluruh keluarga.

*Alangkah pilu meninggalkanmu ketika itu
perpisahan ini begitu menguji setiap dikasihi
mempersoal, mencabar makna sebuah cita
pengorbanan segulung ilmu terlalu besar
buat jiwa keluarga yang bercinta.*

I hb Oktober 1992. Heathrow Airport, London. Musim luruh. 6.00 pagi. Pagi yang menjanjikan seribu kemungkinan. Kujejaki lapangan, sejuta bimbang. Aku belum pernah ke sini, tiada siapa pun yang menanti. Semua asing, mendebarakan. London hanya kukenali melalui buku, tv, filem, perbualan. Ranting yang rapuh, tapi itulah satu-satunya titik pergantungan.

Beg tangan berisi alamat dan dokumen penting daripada universiti dan penguasaha asrama, kuperiksa dan genggam erat. Dokumen ini memudahkan urusan emigrasi. Selesai, beg-beg diangkat, aku menolak teroli dengan perlahan, mencari arah stesen teksi, jalan termudah ke destinasi.

Apabila pintu cermin kubuka, angin sejuk menyerbu ke tubuh. Aku segera masuk semula, membuka beg bimbit, mengambil jaket hijau dan memakainya. Matak melingkas meninjau sekitaran. Di tempat penantian taksi, beberapa orang sedang beratur. Aku mengikuti di belakang mereka, memerhatikan setiap langkah manusia di depan. Hatiku berdoa, semoga pemandu taksi yang akan membawaku seorang yang boleh dipercayai. Banyak cerita para pelancong, pendatang baru yang tertipu. Aku perlu waspada.

Tiba giliranku, pemandunya seorang lelaki kulit putih, tubuh langsing berjaket kulit coklat, mungkin akhir empat puluhan. Pemandu itu melempar senyum dan ucapan selamat pagi kepadaku. Kurenung pantas wajahnya, cuba menimbangi hatibudinya, naluriku mencetuskan rasa yang orang ini boleh dipercayai. Dua beg besarku diangkatnya ke dalam taksi hitam, London Cab, yang terkenal kerana rekabentuk unik dan ruang yang luas. Aku pun duduk dan menunjukkan alamat yang ingin dituju.

Sepanjang perjalanan dari airport, terutama semasa memasuki kota, arus kenderaan bergerak amat perlahan. Pemandu memberitahu itu kesesakan biasa setiap pagi. Aku hanya mengangguk, ragu untuk bercakap, bimbang terdedah kejahilan diri sebagai pendatang baru. Aku hanya berminat memastikan kedudukan jalan dan arah yang dilalui, sambil sesekali menjeling kiraan meter. Dari risalah dan peta yang pernah kubaca, aku tahu destinasi itu terletak di tengah kota.

Pemandangan sekeliling agak kusam. Batang-batang pokok hitam, hampir togel keguguran daun. Rumput-rumput di jalanan pucat, kering kesejukan. Rumah-rumah batu lama dua, dan empat tingkat kecil kurang berwarna, berbanding rumah teres dan sebandung di Singapura. Bangunan-bangunan sasa, ditelan usia, pernah menjadi lambang sebuah empayar agung tetap berdiri megah; biarpun luntur sinar gemilangnya dikikis zaman. Jalan-jalan utama di kota tidak selebar lebuh raya di negaraku. Di kiri-kanan, orang berpusu-pusu dan bergegas pantas, persis dalam filem dan gambar yang pernah

kulihat. Aneh, tidak banyak bangunan baru mencakar langit, seperti di Shenton Way atau di Orchard Road. Banyak yang serupa bangunan City Hall, hanya lebih besar dan hebat seni binanya. Semasa Singapura masih sebuah perkampungan nelayan pimpinan Temenggung Abdul Rahman, semuanya sudah pun terbina.

Inilah London, kota agung, 'pusat politik, ekonomi, budaya dunia' dan 'the best-run city in the world'?

Jam di tangan sudah pukul 3.30 petang, masih waktu Singapura. Sudah lebih 15 jam berlalu sejak berangkat dari Lapangan Terbang Changi dengan pesawat Qantas pada 11.50 malam. Waktu tempatan masih 8.30 pagi. Tujuh jam memisahkan dua negara. Lebih sejam taksi terhangguk-hangguk meniti jantung kota, melalui Oxford Street, Bayswater, Edgware Road, Sussex Garden, kemudian belok ke Talbott Square dan berhenti di muka pintu bangunan kelabu bertulis 'Lilian Penson Hall'. Asrama khusus penuntut pos-siswazah ini sempena nama Dame Lilian Penson, wanita pertama di United Kingdom yang menjadi Naib Canselor Universiti dari tahun 1948-1951.

Pemandu mengangkat beg-begku yang berat kerana sarat dengan pakaian, buku, foto, periuk nasi elektrik dan sebagainya, ke dalam bangunan enam tingkat yang boleh menempatkan 500 orang penghuni dari 75 buah negeri.

'Young lady, you must be carrying a lot of golds inside the luggage!'

Usik pemandu itu, tercungap seketika sesudah mengangkat ke dalam semua beg menaiki anak-anak tangga di muka pintu bangunan. Aku tersenyum

lega. Kiraan meter menunjukkan bayaran 34 pounds. Aku menghulurkan wang 40 pounds sebagai menghargai khidmat baik pemandu menghantarku ke situ, mengangkat barang, dan yang penting sekali kerana keramahannya telah mengendurkan degup

jantungku sepanjang jalan.

'Oh, thank you very much, my love. Have a good day!'

Sambut pemandu itu sambil mengangkat tangan, gembira menerima rezekinya pagi itu. Kulihat taksi itu pergi, lalu masuk ke dalam bangunan.

Di kaunter menyambut tamu, seorang lelaki kulit putih menyambut dengan ucapan selamat pagi. Aku membalasnya sambil menghulurkan surat dari Bursar, mengesahkan namaku sebagai salah seorang penghuni baru yang dinanti. Kemudian dia meminta pasportku, memeriksa dan mencatatkan sesuatu. Setelah itu, dia menyerahkan sebuah sampul surat dan kunci, memintaku menandatangani penerimaannya, serta mengarahkanku ke lif untuk ke bilik 323, ditingkat tiga.

'Ah, mengapa lif tua ini terlalu kecil' rungut hatiku. Lif itu hanya separuh besar lif-lif flat HDB. Terlalu kecil untuk mengangkut semua beg besarku sekali gus. Termengah-mengah, aku mengangkatnya dua kali, sambil merutuk sendiri kerana tidak mendapat simpati dari lelaki di kaunter tadi atau beberapa orang yang ditemui sepanjang koridor ke bilik.

Pintu bilik kubuka, kutolak beg-beg ke dalam sambil meninjau kemudahan di dalamnya - sebuah katil, meja tulis, rak buku, telefon, sebuah almari baju-semuanya dari kayu, serta sebuah kamar kecil dengan sebuah tub mandi putih model lama. Di ruang dapur, terdapat dapur oven, sink pencuci pinggan, sebuah peti sejuk mini dan sebuah meja dengan dua kerusi. Semuanya perlu dibayar dengan harga 16.90 pounds sehari atau 473.20 untuk 28 hari. Cukup mewah untuk seorang pelajar yang menginap di tengah kota. Tetapi dengan bayaran itu aku tidak perlu berkongsi dengan pelajar lain dan bebas masak tanpa berebut-rebut menggunakan dapur umum, yang terdapat di setiap tingkat. Alhamdulillah, semuanya tersedia, biarpun amat sederhana, tidak seperti yang pernah kubayangkan.

Langsir jendela kusingkap, aku melihat bumbung usang bangunan berhampiran dengan tiang elektrik dan setelit tv. Tiada suatu pun yang menarik. Setelah menyalin pakaian, aku terlantar keletihan di atas katil. Kesan perjalanan selama 14 jam menikam-nikam kepala. Ah, segalanya asing dan sunyi. Tiba-tiba aku teringat Yang, emak, bapak, adik-adik, anak saudara, saudara mara, kawan-kawan dan para pelajarku yang ramai mengiringi keberangkatan di lapangan terbang. Terbayang setiap wajah yang dikasihi, cuba menahan sebak kesedihan di saat perpisahan.

*langit kehilangan cahaya
bayu kehilangan tuju
pohon kehilangan daun
alam kehilangan warna
...aku kehilanganmu...*

Bulan pertama di sini amat sepi, amat menyiksa. Betapa keasingan ini membangkitkan ketakutan. Tetapi aku memaksa diri keluar dari bangunan asrama, cuba meneroka kawasan sekitaran, mencari kedai, pasar, pejabat pos, bank, serta mencuba perkhidmatan sistem keretapi bawah tanah, tubenya dan laluan bas. Meraba-raba sendirian, dan entah berapa kali aku sesat jalan, biarpun sering bertanya dan tiada menghadapi halangan bahasa.

Aku melangkah ke Paddington, stesen berhampiran asrama, lima minit berjalan kaki. Di sinilah perjalanan keretapi bawah tanah pertama dunia bermula sehingga ke Farringdon Street, pada tahun

1863. Betapa hebat teknologi kejuruteraan negara ini ketika itu. Namun, pengalaman pertamaku di tube ini amat menggerunkan. Arus pantas manusia berbagai warna, tubuh-tubuh tinggi sasa, berbaju labuh hitam, warna pilihan musim sejuk; membangkitkan suasana kelam dan muram. Aku berdiri di tepi, takut bila-bila masa mereka akan menolak tubuh kecilku ke pinggir; atau ke landasan keretapi. Semua ini bagai mimpi atau pemandangan melalui kaca tv.

Aku tidak percaya yang kini aku berada di sini, di tengah manusia dan suasana ini.

Aku menaiki *Circle Line* menuju Euston Square. Sepuluh minit kemudian, aku keluar dari platform, melepasi galang tiket dan menaiki tangga untuk ke luar. Di sudut pintu, duduk seorang pemuda, usia dua puluhan, rambut panjangnya diikat kebelakang, tubuhnya berselimut, memandang penuh harap pada setiap orang yang lalu lalang. Dia memegang sebuah kadbord kertas bertulis: *Please, spare me a change!*

Aku pernah ke negara-negara miskin di Asia Tenggara, di situ hanya kanak-kanak atau orang-orang cacat yang menjadi peminta sedekah. Di sini, di negara maju ini, ada lebih kurang tiga juta orang tidak berpekerjaan, hidup melarat tidak bertempat. Mereka tidur di jalan, bawah jambatan, taman atau rumah tumpangan. Tiga juta! Sebanyak jumlah penduduk Singapura!

Membelok ke Gower Street, aku memasuki kampus. Cuaca dingin ini mendesak langkah yang pantas. Siapa yang berlenggang kangkung akan keras kejang dibekukan angin sejuk. Betapa alam menentukan rentak hidupan. Di luar bangunan Student's Union di Malet Street, ruang popular kampus, ramai mahasiswa dengan ragam dan gaya masing-masing. Sudah hampir sebulan aku di sini, tapi belum menemui seorang kawan. Setiap orang dengan urusan dan langkah masing-masing. Setiap orang tidak boleh menunjukkan kelemahan dengan bergantung pada orang lain. Semua harus berani menjaga keperluan sendiri. Manusia yang dianggap unggul lagi moden ialah manusia yang berjaya memenuhi potensi dan menegakkan nilai individualitinya. Ini adalah falsafah yang dicetuskan oleh Rene Descartes, Bapa falsafah moden Barat, hampir 400 tahun lalu, melalui bukunya, *The Discourse On Method* dan *Meditation*. Kemudian nilai ini dikukuhkan oleh falsafah *the Enlightenment*, abad ke 18, disebarkan oleh para cendekiawan Barat seterusnya.

Bagi diriku, yang dibesarkan dengan tradisi kampung, dan keunggulan nilai gotong-royong, kenyataan ini begitu sukar ditelan. Aku dibentuk oleh lingkungan dan tidak pernah keluar dari lingkungan. Aku dan lingkungan itu saling bergantung. Ketergantungan ini kami anggap sebagai ikatan pengukuh

masyarakat, asas perpaduan ummat. Tetapi di sini nilai ketergantungan ini dicap sebagai kelemahan peribadi, penghambat pembangunan diri. Patutkah aku hidup seperti mereka? Bolehkah aku mengekalkan nilai sejati kampungku di tengah perkampungan global ini?

Keadaan diberatkan oleh kedudukanku sebagai pelajar pos-siswazah yang dianggap matang, tidak seperti mahasiswa sarjana muda yang boleh dibelasi. Kami perlu berdikari menjalankan penyelidikan, dan hanya diawasi seorang penyelia. Aku bebas mengatur dan mengisi masa. Tiada kuliah atau kursus tetap yang mempertemukan dan mengumpulkan aku dengan pelajar lain. Aku mesti berani menjalin hubungan dengan wajah-wajah asing, memecahkan tembuk prasangka kulit dan budaya. Ini tidak mudah, kerana menurut pemerhatianku, di mana-mana, manusia pada dasarnya masih didorong tarikan asal warna, budaya, agama atau negara. Aneh, dalam institusi pengajian tinggi antarabangsa seperti ini pun, manusia akan kembali ke kepompong asal mereka. Semasa makan, belajar, berehat, dan sebagainya, mereka akan mencari yang sekulit dan serupa. Sukar memecahkan tembuk kebiasaan, kerana itu mungkin jaminan keselamatan termudah.

Aku tidak boleh mengganggu mereka sewenangnya, biar betapa hebat jeritan batin terperangkap dalam ruang asing. Ramai lagi manusia di sekelilingku yang menderita sepi. Jelas terbayang di wajah dan gelagat mereka di ruang rehat pelajar atau di kantin. Anehnya, ego diri memaksa mereka berpura-pura gagah, hanya membuat kerja masing-masing di tengah kesibukan, sambil memerhati manusia di sisi. Pilihan ini mungkin lebih baik daripada terkapar-kapar sendiri di kamar. Jiwaku memberontak, menolak keasingan, kesepian ini. Aku mesti memasuki lingkungan baru, belajar rentak hidup baru ini, membina ikatan sosial baru, menyesuaikan dengan warna-warni manusia, di kampus dan alam baru ini.

*Yang dipetik indah setangkai kehidupan
yang dikunyah selaut keringat peladang
yang disentuh makna seraut pohon kebesaran
yang kutelan hijau tunas pengembaraan
dari kecil kebun insan*

"You gave 35 pounds to her?" terkejut Zakiah, kawan seasrama, pensyarah dari Fakulti Pergigian, Universiti Malaya, yang sedang membuat PhD dalam bidang pergigian.

"Ya, kasihan dengan wanita kulit putih itu. Katanya, namanya Mary, umurnya 29 tahun, lahir 28.9.63, datang dari Ireland. Dia lari dari rumah kerana sering dipukul suaminya yang mabuk. Sudah lima hari dia tidur ditepi jalan dan tidak makan. Dia perlukan wang itu untuk bayar sewa bilik kepada seorang landlady. Dia janji akan pulangkan esok harinya, jam 10 pagi di tempat pertemuan yang sama, London Street, dekat Nahar Cafeteria. I tidak sampai hati melihat wanita mengandung menderita begitu, terutama dalam musim sejuk begini" Jelasku, sedih bercampur bingung.

"How could you trust any stranger who approached you on the street? There are thousands of professional beggars and swindlers, who simply hidup dengan menipu orang, especially ignorant newcomers like us. I have been approached also by such people, but I simply ignored them, pretended that I did not know what they were saying."

"I don't know why I was so stupid. Bukan saja wang, malah makanan yang I beli dari Nahar for lunch pun I berikan padanya. Sudahlah itu, esoknya, jam sepuluh I tunggu dia di situ selama sejam, hoping that she would return my money. Tolol betul! Akhirnya, I pulang ke asrama dengan perasaan marah, kecewa dan sedih."

"Niat you memang baik, but not suitable for this people and place. Pada mereka di sini, kebaikan seperti itu hanya suatu kebodohan. This is London, bukan Singapura atau Malaysia, we have to be more careful."

"Memang betul katamu. Sampai sekarang pun I malu dan tidak dapat memaafkan tindakan bodoh I itu." Jawabku, penuh kesal.

*Angin beku menggigit rakus
pipi dan jejari
daun-daun maple segar
kini pudar, kering, kuning
gugur berselerakan
sepanjang lantai perjalanan
reput, di bawah kakiku.*

Aku melihat jam di tangan, pukul 10.45 pagi. Ada temujanji dengan Profesor Howard, jam 11.00 pagi. Aku tidak mahu lambat kerana nilai ketepatan masa amat penting di sini. Aku membelok ke kiri ke Thornhaugh Street, menghampiri Senate House, nadi pentadbiran dan perpustakaan utama Universiti, lambang kegemilangan akademik. Menara-gah inilah yang menambat visiku selama ini. Menara yang melahirkan ilmiawan terbilang sejak dulu lagi. Sungguhpun aku lahir beberapa tahun selepas negaraku merdeka, tahun 1965, tetapi pengalaman sebagai anak anak jajahan dalam zaman kanak-kanak begitu kuat terpahat. Mampukah aku mengatur hidup baru sebagai pelajar di menara tinggi ini?

Aku memasuki pintu besar universiti, gedung ilmu yang terkenal tempat para orientalis berkumpul meneliti sejarah, budaya dan pemikiran negeri dan rakyat jajahan, termasuk negara dan masyarakatku. Gedung inilah yang menentukan definisi dan makna hidup mereka. Setakat ini hanya segelintir sarjana bangsaku dan negaraku yang diiktiraf berwibawa mentafsir sejarah dan budaya masyarakat secara ilmiah.

"You have to come here to do Phd in Malay and Indonesian Studies? Very strange. Isn't it?" tanya Claudio, teman seasrama, yang berasal dari Argentina, dan kini mengikuti Sarjana Pentadbiran Perniagaan di London School of Economics.

Ya, mengapa aku harus ke sini untuk menilai sejarah sastera bangsa sendiri? Mengapa aku terpaksa menerima penilaian 'orang luar' untuk memahami masyarakatku dan memecahkan rantaian musibah yang mengikat kami selama ini?

Sesungguhnya penjajahan politik atau ekonomi tidak sehebat penjajahan pemikiran. Sudah lebih 30 tahun merdeka, mentadbir dengan cekap hingga mencapai tahap pembangunan ekonomi yang tinggi. Malangnya pemikiran dan jiwa masih terbelenggu, terkepung dalam kepompong. Pengalaman pahit penjajahan terus menghantui. Aku masih melihat diriku, masyarakatku dan negaraku, amat kerdil berbanding masyarakat, negara dan tamadun mereka. Aku dibesarkan untuk mengkagumi Barat. Segala yang terbijak dan terbaik datang dari sana. Menurut Winstedt, sarjana besar pengajian Melayu, tamadun atau budaya Melayu hanya mengambil atau

meminjam dari dunia India, Timur Tengah dan Barat. Proses peminjaman ini berlangsung sepanjang zaman. Seolah-olah tiada apa yang dicipta, disumbangkan oleh kami pada dunia, kerana menjadi masyarakat yang taat menerima dan bijak meniru saja. Benarkan rumusan tokoh ini? Itu suatu cabaran untuk menyelidikanku. Yang jelas, kami rasa kecil, rasa amat kerdil. Betapa besarnya pengaruh tulisan sarjana ini terhadap pemikiran dan jiwa anak-anak jajahan dan keturunan mereka, seperti aku.

Di sekolah Melayu pula kami diasingkan daripada kanak-kanak lain yang bersekolah Inggeris, biarpun telah ditempatkan sebumbung melalui sistem pendidikan gabungan yang diperkenalkan selepas merdeka. Berkat usaha, aku dapat melangkah ke depan hingga berjaya di menara gading terbaik negaraku. Entah mengapa aku masih berasa rendah dan kekurangan, tidak sebaik mereka yang berpendidikan Inggeris sepenuhnya. Bayangan hitam itu terus menghantui diri, dan turut dikongsi juga oleh ramai lagi yang sealiran denganku. Sehingga untuk keluar dari kepompong perasaan itu, aku perlu ke sini, ke menara minda Inggeris itu sendiri, untuk membuktikan diri. Tapi, bolehkah aku meraih puncak kejayaan di institusi ulung ini?

*Bilakah kita akan bersuara
menjunjung budaya, kemurnian bahasa
dalam kebulatan sahsiah, jitu dan indah
melepaskan duka dan kekecilan rasa?*

Tekanan kekecilan rasa dan kerapuhan kepompong diri itu terlalu berat, tidak terkandung. Aku tidak mampu pecah atau patah separuh jalan. Aku tidak mahu sia-siakan pengorbanan keluarga, menghampakan masyarakat, atau gagal mengisi tuntutan kerjaya sebagai pensyarah. Kami perlu *role model*. Kadang-kadang aku cemburu mendengar luahan orang-orang yang belajar semata-mata kerana pertimbangan peribadi. Mereka tidak perlu memikirkan orang lain, jauh sekali harapan masyarakat dan keperluan negara. Betapa bebasnya pilihan hidup mereka.

Memang latar diriku tidak sama dengan mereka. Pengajian ini adalah ibadah, suatu fardu kifayah. Anehnya, tekanan ini sekali gus menjadi motivasi, pengukuh diri dalam mengharungi getir ini. Aku berazam untuk belajar apa sahaja, mengisi

kehadiranku di sini sebaik-baiknya.

Aku pun menjadi ulat yang lapar, rakus mengunyah daun-daun di pohon ilmu. Kajianku perlu dikerjakan secara giat, mesti selesai dalam masa tiga tahun - tempoh minima pengajian, tetapi tempoh maksima yang ditetapkan oleh penaja pengajian, majikanku. Tentu tidak mudah, kerana kebanyakan pelajar di sini mengambil empat tahun, ramai pula yang gagal walaupun telah mencuba bertahun-tahun. Ah, betapa sukar menghasilkan sebuah gagasan ilmiah yang asli, kuntum minda sejati, menghiasi indah taman akademik, hingga ramai yang memetik.

Profesor Howard pula begitu kritikal dan cerewet. Terlalu berat untuk memenuhi jangkaannya. Beberapa kali bab-bab tesis, yang kuanggap 'karya agung' telah dikembalikannya dengan komen-komen tajam menikam.

'I am not happy with this chapter. Your analysis of the role of writers is not based on sound theoretical basis. Yes, western writers or artists value highly individual freedom and originality. But they do not reject social responsibility. They just free themselves from any forms of restrictions of society which hinder their creativity. For them, this social responsibility is best done through self fulfillment: by fulfilling oneself one enriches and hence contributes to society. Your interpretation is culturally biased'. Katanya, tajam menikam fahaman dan dasar penilaianku selama ini.

Hampa, Sedih. Silapku juga kerana mengharap pujian kerana telah berbulan mencurahkan tenaga untuk menyiapkan. Seluruh dasar pertimbangan dan pendekatanku mesti diubah, dirombak, ditulis semula berkali-kali untuk diterima. Benar-benar menyiksa dan amat meletihkan. Proses ini terlalu lama, tiada penghujungnya. Bilakah akan berakhir semua ini...?

Untuk meredakan gelisah dan memecah buntu, aku pun ke Kensington Garden dan Regent Park, tidak jauh dari asrama. Seketika, aku menemui kedamaian di tengah keindahan kuntum-kuntum ros, tulip, snowdrops dan cherryblossom.

*Riang kembang cuma sebentar
kelopak indah kecut memaut ranting hitam
ah, musim sejuk yang enggan beredar*

mengocak cerah wajah, putaran alam.

Lalu, luka itu pun berubah menjadi sebuah azam. Kini aku sedar proses itu memang mesti dilalui setiap mahasiswa. Seorang sarjana perlu arifbijaksana menerima kritikan dan sudut pandangan lain. Tidak terperangkap dalam perangkap prasangka peribadi dan budaya sendiri. Rela ideanya dibedah dan dicincang, demi ilmu dan kebenaran. Akhirnya aku berterima kasih kepada Prof Howard yang melalui tindakan 'kejam' itu menjadikan aku lebih memahami dan bersedia menghadapi cabaran alam kesarjana.

Kesedaran ini membuatku lebih ghairah menimba telaga ilmu. Aku mengikuti kursus tambahan yang dianggap penting dan membantu kajian. Aku juga sering mengikuti ceramah, seminar yang banyak diadakan di kampus atau di kolej berdekatan. Majlis ilmu yang menarik tidak kulepaskan. Malah, aku cuba aktif dalam diskusi. Berkali-kali aku mencuba dan sering kali pula kecewa. Akhirnya aku tidak gentar bertanya dan tidak malu menyatakan tidak tahu. Aku tidak bimbang tersilap, tidak kecil hati jika dikritik, tidak juga rasa gagal kalau pandanganku ditolak.

Ketika aku melangkah keluar dari dewan ceramah itu, seorang lelaki kulit hitam berpakaian suit kemas yang turut sama mengikuti ceramah Dr Vincent Magombee, dalam The African Literature Forum, anjuran SOAS, segera mengejar dan memanggilku. Dia menghulurkan tangannya kepadaku.

"Congratulation! Your question just now is really great. You raised an excellent and interesting point to the speaker." katanya, kagum dan mesra.

"Thank you." Aku tersenyum menerima penghargaannya.

Aku bertambah gigih pula untuk menyiapkan diri untuk seminar yang mesti disampaikan sebagai mematuhi salah satu syarat pengajian. Aku perlu membentangkan hasil kajian tesis dan bersedia menjawab soalan dari sekumpulan pelajar post-siswazah yang mengikuti pengajian Asia Tenggara dan individu yang berminat. Persediaan yang penuh kuberikan pada isi dan teknik penyampaian, diikuti latihan sendiri untuk memastikan kelancaran.

Hasilnya? Alhamdulillah, lapor balik amat positif, sungguh menggalakkan. Para hadirin amat puas hati dan Profesor Howard, yang selama ini begitu lokek dengan pujian, turut memberi komen yang membe-rangsangkan. Aku gembira kerana usahaku tidak sia-sia hingga akhirnya dapat memenuhi jangkaan penyelia yang tinggi. Perlahan-lahan, keyakinan diri berputik dan berkembang.

Cabaran minda masih tidak seberat cabaran emosi. Aku boleh menghasilkan tesis yang baik kerana rujukan dan bacaan yang luas dan menganalisa dengan teliti. Tambahan pula latihan asas yang diterima dari universiti dan disiplin kerja di negaraku, cukup membantu. Kepompong emosi ternyata lebih menggugat daripada kepompong minda. Masalah akademik telah diatasi perlahan-lahan, tetapi masalah hati...

Aku sudah mempunyai ramai kawan, kenalan, berbagai bangsa dan negara, di asrama dan di kampus, lantas kuranglah kesunyian. Tetapi, tiga tahun terlalu lama untuk jiwa yang bercinta. Aku sentiasa mengambil peluang yang ada untuk pulang bertemu Yang dan keluarga, melepaskan rindu. Tetapi satu persatu dugaan hati dugaan jiwa menimpa kerana tidak dapat bersama keluarga pada masa-masa genting.

'Yang, bila akan pulang bercuti?'

'Mak dan Bapak sudah berangkat ke Mekah'

'Bapak sakit kuat. Perlu dibedah'

'Yang, tidak boleh selesaikan chapter itu di Singapura?'

'Barah rahim adik perlu rawatan tiga pusingan chemotherapy'

'Selamat Hari Raya! Bagaimana hari raya di sana?'

'Datuk sudah meninggal dunia. Selamat dikebumikan semalam.'

Semuanya, hanya terkhabar melalui telefon, surat atau poskad. Menambah sayu, pilu kalbu. Timbul pula rasa bersalah kerana terlalu mementingkan cita-cita sendiri hingga menyebabkan Yang tersiksa. Dia tidak pernah merungut. Hanya senyum dan sering pula mententeramkan kocak perasaanku.

"Jangan bimbang, I'm o.k. Tumpukan pada tesismu."

"Yang, bila boleh pulang? "

"Kalau tidak boleh, selesaikan di sini saja".

Aku telah membuat keputusan untuk ke sini. Memang patut aku yang menanggung tekanan emosi ini. Aku memang rela atau terpaksa menerimanya demi cita, untuk diriku. Tetapi Yang? Ternyata baginya semuanya hanya kerana cinta. Betapa besar pengorbanannya. Tidak mudah bagi seorang suami, khususnya lelaki Melayu, untuk menerima dan menggalakkan isterinya supaya berkelulusan lebih tinggi daripada diri sendiri, apatahlagi untuk mengharungi ujian batin ini.

"Sayang isteri tinggal-tinggalkan". Menurut peribahasa Melayu.

"Sayang isteri ditinggalkan". Begitu usikan teman-teman semasa menghantarku di Airport dulu. Ya, betapa benar kata-kata itu.

Yang, betapa tinggi nilai cinta murnimu...

Tiga tahun aku mencurahkan segala tumpuan, tenaga, fikiran untuk penyelidikan ini. Setiap kata, baris, perenggan, halaman, bab yang dihasilkan adalah curahan keringat, linangan airmataku dan orang-orang yang telah berkorban untukku. Semua itu tidak akan tertebus dengan wang berjuta. Pasti.

*Semua ghairah rasa, daya, kini
hilang, ditelan minda, usia, suasana
dalam kemelut akhir
hati terus dilanda tanya:
bilakah kan kutinggalkan
dingin, sepi, rindu ini
kembali abadi di sisimu?*

Akhirnya aku dapat menyiapkan tesis seperti yang ditetapkan, lalu menyerahkannya untuk penelitian pemeriksa. Penuh lega, biarpun untuk sementara.

4 Mac 1996. Tiga bulan sesudah penyerahan tesis. Sesudah solat zohor di surau Brunei Gallery, bangunan baru kampus, aku berdoa agar diberikan ketenangan pada saat penentuan. Aku terus menanti

peperiksaan lisan, viva, yang akan berlangsung pada jam 3.00 petang, di bilik 363.

"Tuhanku, aku telah berusaha sebaiknya. Kini kuserahkan padaMu untuk menentukannya."

London, 11 disember 1996. Sembilan bulan sesudah peperiksaan, yang membawa keputusan gemilang. Aku telah lama pulang ke tanahair dan bertugas semula. Gembira di pangkuan keluarga. Tapi kini, tidak sabar rasanya untuk kembali ke sini. Betapa aku merindui kehidupan sebagai seorang pelajar. London, aku datang lagi menjejakimu, biarpun bukan dengan status pelajar seperti dulu.

Penerbangan kali ini begitu meriah, begitu seronok kerana diiringi Yang, adik-adik, suami mereka dan anak-anak saudara, 8 orang semuanya. Semuanya ghairah mahu menyaksikan hari istimewa ini.

Apabila namaku diumumkan, dengan berbaju kurung Melayu, berjubah akademik merah, aku naik ke pentas. Berdiri bangga di sudut kanan, mendengar watak ringkas mengenai pelibatan dan pencapaianku dibaca. Selesai, aku mengangguk hormat ke arah Prof Howard yang duduk bersama barisan sarjana terhormat di pentas. Aku melangkah ke depan, berjabat tangan dengan Lord Howe, tetamu terhormat, diikuti gemuruh tepukan para hadirin dalam dewan besar itu. Tidak dapat kugambarkan perasaanku ketika itu. Segalanya begitu indah, segalanya begitu meriah. Aku tunduk gembira, lalu turun dari pentas. Tiba-tiba aku merasakan kepompong yang membendung diriku selama ini tanggal, keluarlah seekor rama-rama yang riang terbang di taman yang luas, bebas meneroka angkasaraya.

*Kita pacu tenaga dan rebut keunggulan budi & cita
mengukir citra indah bangsa dan manusia
di panggung jagatraya.*

16 Okt 97

DETIK-DETIK PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

• 1959

Bahasa Melayu diisytiharkan sebagai Bahasa Kebangsaan Singapura.

Puluhan ribu bukan Melayu dewasa secara sukarela menghadiri kelas anjuran Lembaga Gerakan Pelajaran Dewan (LGPD).

Bilangan 300 guru bahasa Melayu ketika itu tidak dapat memenuhi permintaan. Oleh itu, LGPD telah mengambil banyak polis, kerani, pengacara radio dan orang awam untuk menjadi guru.

Maktab Perguruan Singapura (TTC) telah mengadakan kelas bahasa Melayu bagi guru bukan Melayu hingga lulus Darjah Dua.

Radio Melayu bahagian Cina dan Melayu menyiarkan rancangan Belajar Bahasa Melayu. Majalah Kesatuan Guru Singapura (STU), Mentor, juga menampung ruang Belajar Bahasa Melayu.

• 1959-1962

Siri buku 'Bahasa Negaraku' oleh Muhi Ariff Ahmad diterbitkan untuk digunakan sebagai teks untuk pelajar bukan Melayu di sekolah rendah aliran Inggeris dan Cina.

• 1962

Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura telah mengadakan musyawarah penulis se-Malaya (Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura) yang merangkumi pengarang Melayu, Cina, Tamil dan Inggeris demi membincangkan tentang kewujudan dan perkembangan kesusasteraan Malaya pada masa depan.

• 1965

Untuk menggalakkan rakyat bertutur dalam Bahasa Kebangsaan, Kementerian Kebudayaan Singapura menganjurkan kempen yang diselenggarakan oleh Lembaga Tetap Kongres Bahasa dan Kebudayaan (LTK). Minggu Bahasa Kebangsaan diadakan pada bulan Mei dan Bulan Bahasa Kebangsaan pada November. Kempen-kempen melibatkan institusi pemerintah dan swasta.

Kementerian Kebudayaan telah menubuhkan Jawatankuasa Ejaan Rumi Melayu Singapura untuk kegunaan persuratan Melayu di Singapura.

Ejaan Melindo (Melayu-Indonesia) telah tidak jadi dilaksanakan pada 1 Januari 1964 kerana penubuhan Malaysia pada 1963 dan Konfrontasi yang dilancarkan Indonesia, telah dijadikan asas bagi membentuk Ejaan Melayu Singapura.

• 1966

Ogos 15-19, dengan kerjasama Kementerian Kebudayaan dan bantuan Yayasan Asia, LTK telah menganjurkan Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura. Kongres telah membincangkan masalah ejaan, perkembangan dan penggunaan bahasa Melayu serta merumuskan sukatan pelajaran Kesusasteraan bagi sekolah menengah Melayu. Sukatan pelajaran telah digunakan sehingga 1979.

BAHASA MELAYU JADI BAHASA KEDUA

• 1966

Sistem Pelajaran Singapura memperkenalkan dasar dwibahasa iaitu bahasa Inggeris diajarkan sebagai bahasa pertama dan bahasa ibunda (Melayu, Mandarin, Tamil) pula sebagai bahasa kedua. Tujuannya ialah demi meningkatkan

daya saing Singapura tetapi memastikan budaya dan tradisi penutur terpelihara menerusi penguasaan bahasa kedua.

• 1977

Ejaan Rumi Baru (Ejaan Baku) digunakan di sekolah. Sistem ejaannya sudah dipersetujui dan dilaksanakan oleh Indonesia dan Malaysia sejak 1972. Media juga menggunakan sistem ejaan ini.

• 1981

Setelah empat tahun digunakan di sekolah, Singapura secara rasmi menggunakan Ejaan Baku. Kementerian Kebudayaan telah menubuhkan Jawatankuasa Ejaan Rumi Melayu untuk menggantikan jawatankuasa serupa yang ditubuhkan pada 1965. Jawatankuasa baru ini dipengerusikan oleh seorang setiausaha parlimen. Antara tugas utamanya ialah memantau dan memastikan Ejaan Baku digunakan dengan betul di Singapura.

• 1982

Majlis Pusat Pertubuhan-Pertubuhan Budaya Melayu Singapura telah menganjurkan Bulan Bahasa Melayu (BBM) dengan slogan Gunakan Bahasa Melayu Yang Betul. Lebih separuh daripada 40 buah kerabat Majlis Pusat mengadakan kegiatan bahasa, sastera dan seni untuk mendukung BBM 1982.

• 1983

Tugas Jawatankuasa Ejaan diperluas, termasuk soal peristilahan. Ia dirobah menjadi Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura (JBMS). Dalam jawatankuasa itu, ada dua jawatankuasa kecil — ejaan dan istilah.

• 1988

Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura menganjurkan BBM-nya yang pertama dengan mengemblem tenaga badan Melayu, termasuk Majlis Pusat. BBM diisi dengan majlis ceramah, dialog, bahas, pesta pantun, peraduan mengarang, deklamasi sajak dan persembahan seni. Sekolah diarahkan menggunakan Sebutan Baku.

• 1990

Singapura menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-25. JBMS menganjurkan BBM, manakala Majlis Pusat mengadakan Bulan Budaya. BBM 1990 memperkenalkan Sebutan Baku.

• 1992

JBMS memberikan fokus utama Sebutan Baku dengan mengadakan bengkel bagi guru yang diselenggarakan oleh para pakar.

Memandangkan bidang kerja yang kian luas, JBMS dipertingkatkan menjadi Majlis Bahasa Melayu Singapura. Selain menganjurkan BBM, ia juga mengadakan Anugerah Persuratan yang mengiktiraf sumbangan tokoh dan mutu penulisan secara dwitahunan (bergilir dengan BBM).

• 1993, 1995 dan 1997: Anugerah Persuratan

• 1994, 1996 dan 1998: Bulan Bahasa Melayu

• 1999

Anugerah Persuratan dan Bulan Bahasa Melayu diadakan serentak.

MAJLIS BAHASA MELAYU SINGAPURA

<i>Pengerusi</i>	HJ SIDEK SANIFF
<i>Timbalan Pengerusi</i>	YATIMAN YUSOF
<i>Setiausaha</i>	ABDUL MALEK AHMAD
<i>Timbalan Setiausaha</i>	MOHD AGOS ATAN
<i>Bendahari</i>	DRS MASRAN SABRAN

Anggota
MOHD MAIDIN PACKER MOHD
HARON ABDUL GHANI
WAN HUSSIN HJ ZOOHRI
MUHD ARIFF AHMAD
MASURI SALIKUN
SUPKI HJ SIDEK
DR KAMSIAH ABDULLAH
DR HADIJAH RAHMAT
KASMADI HJ NASIR
MA'MUN HMF SUHEIMI
AHMAD THANI AHMAD
DR LIAW YOCK FANG
MOHD NAIM DAUPI
HASHIM YUSOF
MOHD RAMAN DAUD
ZULKIFILI RAHMAT
ZUBAIDAH MOHSEN